

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 16 - 22 MEI 2024

www.selangorkini.my

Festival turath dalam Hadis 40

Berlangsung antara 26 Mei hingga 2 Jun, festival ini dihadiri lebih 20 tokoh ulama terkenal dan ahli akademik. Bekas Mufti Besar Mesir Dr Ali Jum'ah mengupas karya Imam Nawawi. Program itu dijangka menarik 30,000 peserta

MUKA 2

Naik taraf loji rawatan, simpan air 5 Jun

Penyaluran bekalan pulih keesokannya sebaik sahaja proses selenggara, ganti aset berjadual di loji rawatan Sungai Selangor selesai. Air Selangor turut gerakkan lori tangki ke kawasan terlibat

MUKA 6



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersama Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Selangor TPr Khairulzaman Ibrahim ketika pelancaran Draft Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 (Pengubahan) di Pusat Konvensyen MBSA, Shah Alam pada 9 Mei 2024. Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Setia Haris Kasim. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM ► BERITA MUKA 5

pancawarna

Tokoh ulama kupas kitab Imam Nawawi




Festival turath tampil pameran manuskrip, konsert Abu Shaar Bro **9-13**

Dunia terkesima Faisal Halim diserang asid



Bintang Manchester United suntik kata semangat pada pemain Selangor FC, doa sembuh **15-16**

Adikarya al-Ghazali pengaruhi ummah



Penterjemah hurai isi penting jilid satu hingga lima kitab Ihya Ulumuddin **14**

Jumlah miskin tegar turun 50 peratus

HULU SELANGOR - Hanya tinggal enam peratus daripada kira-kira 8,000 orang miskin tegar di Selangor berbanding awal tahun ini, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau percaya penyaluran bantuan kebajikan melalui Iltizam Selangor Penyayang (ISP) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) berupaya mengurangkan lagi bilangan kelompok berkenaan.

Katanya, pentadbiran negeri akan memanfaatkan kuota Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS), satu daripada inisiatif dalam ISP, yang berbaki lebih 1,000 penerima lagi.

"Sebelum ini, kita ada 861 miskin tegar. Dalam laporan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor, jumlah tersebut berkurang kepada 425. Maknanya, berkurangan 50 peratus.

"Kita yakin berjaya hapuskan miskin tegar Julai ini. Saya cuba hubungi LZS untuk selesaikan," katanya.

Teliti kadar semasa hartanah penduduk

HULU SELANGOR - Dakwaan pembangkang kononnya Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menaikkan kadar cukai pintu tidak benar, tegas Dato' Seri Amirudin Shari.

Sebaliknya, Dato' Menteri Besar itu menjelaskan notis tersebut hanya penilaian yang dilakukan MPAJ bagi meneliti kadar semasa aset hartanah milik penduduk di sana.

"Lepas ini Majlis Perbandaran Selayang (didakwa). Kita hendak tengok harga. Kalau harga jatuh bermakna kerajaan salah, gagal bentuk peluang ekonomi. Jadi, orang pun tidak mahu duduk situ.

"Harga rumah jatuh bermakna tiada aktiviti ekonomi tapi kalau nilai naiknya harga aset meningkat. Jadi itu penilaian, cukai pun akan dinilai.

"Tapi tuduh kerajaan menaikkan cukai, kerajaan zalim sedangkan tuan-tuan boleh buat bantahan (penilaian) dalam tempoh tertentu," katanya pada 8 Mei.

Sultan: Utama keselamatan pemain

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor memberi perkenan dan menyokong sepenuhnya keputusan Selangor FC untuk tidak hadir perlawanan Piala Sumbangsih 2024 pada 10 Mei.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj juga menzahir rasa kecewa kerana Liga Bola Sepak Malaysia menolak permohonan menunda perlawanan menentang Johor Darul Ta'zim (JDT) di Iskandar Puteri.

Menurut Selangor Royal Office, Baginda selaku Penaung Selangor FC

berpandangan keputusan menarik diri tepat berikutan beberapa kejadian yang mengancam nyawa pemain dan pegawai kebelakangan ini.

"Adalah bertepatan untuk pasukan Selangor FC tidak menyertai perlawanan berkenaan yang juga merupakan aksi pertama Liga Super edisi 2024.

"Keutamaan ketika ini adalah nyawa serta keselamatan para pemain, dan bukannya untuk memenangi piala berkenaan," kata kenyataan di Facebook pada 9 Mei. Sultan Selangor bertitah moral pa-

sukan yang terganggu dan terkesan akibat kejadian simbah asid melibatkan pemain sayap Faisal Halim juga harus diambil kira selain faktor keselamatan.

"Baginda mahu semua pihak memahami tahap keseriusan insiden melibatkan nyawa pemain sebegini tidak sama dengan kes sebelum ini," kata kenyataan tersebut lagi.

Menyokong solidariti membanteras keganasan sukan dalam apa jua bentuk, Sultan Sharafuddin turut menegaskan Selangor FC sedia berdepan sebarang tindakan susulan keputusan tersebut.



Angkat karya Imam an-Nawawi

Tokoh ulama Mesir kupas Hadis 40

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Festival Turath Islami siri kedua antara 26 Mei hingga 2 Jun dijangka menarik minat 30,000 penyertaan, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu program yang memuatkan 12 acara menarik mengangkat karya ulama penting iaitu Muhyiddin Abu Zakaria Yahya Sharaf al-Nawawi atau dikenali sebagai Imam Nawawi.

Katanya, bekas Mufti Besar Mesir Al-Imam Dr Ali Jum'ah dijadual memim-

pin pengajian kitab Hadis 40 karangan Imam Nawawi manakala seminar antarabangsa mengupas kitab beliau iaitu Riyadhu al-Solihin, Tausiyah Perdana.

"Festival itu disertai kira-kira 23 ulama besar, tokoh agamawan dan akademik dari Malaysia, Indonesia, Thailand dan Singapura yang telah menyatakan pengesahan," katanya baru-baru ini.

Amirudin yakin penyertaan tahun ini dijangka meningkat tiga kali ganda berbanding kira-kira 10,000 orang pada tahun lalu berikutan suntikan beberapa nilai tambah dalam majlis tersebut.

Beliau menambah festival di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

itu antara usaha Kerajaan Negeri bagi memperbanyak kegiatan menjulang khazanah keilmuan Islam dunia.

"Penganjuran festival kali kedua tahun ini adalah petanda komitmen Kerajaan Negeri untuk menyebarkan dan menghidupkan warisan turun temurun Islam.

"Turath atau warisan Islam khususnya warisan ilmiah adalah obor penyuluh yang dapat memberi pedoman kepada kita bagi mengharung dunia semasa yang penuh pancaroba," katanya.

Festival ini terbuka kepada orang ramai dan pendaftaran menerusi laman sesawang www.turathislamiselangor.com

RM7 juta baik pulih pangsapuri

SHAH ALAM - Sebanyak RM7 juta diperuntuk bagi membaik pulih pangsapuri usang seluruh negeri menerusi Skim Baik Pulih Negeri Berkebakjikan (Ceria).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata skim bawah

pemantauan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) khas untuk pangsapuri kos rendah dan sederhana.

"Kerajaan Negeri percaya kualiti kediaman menyumbang kepada kesejahteraan sosial. Atas sifat kasih

sayang dan rahmah, skim ini tercetus agar tiada rakyat negeri ini terpinggir dari inisiatif kebajikan hidup.

"Buat sesiapa yang berminat, saya sarankan layari selangorpenyayang.com," tulisnya di laman X pada 14 Mei.

Pelopor pustaka awam mesra transit

HULU SELANGOR - Selangor pelopor perkhidmatan transit percuma di perpustakaan awam melalui inisiatif Perpustakaan Mesra Transit, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu usaha Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) itu membantu ibu bapa bekerja sekali gus perpustakaan sebagai rumah kedua kepada anak-anak seiring hasrat negeri.

"Inisiatif menyediakan persekitaran

kondusif kepada anak-anak terutamanya semasa peralihan sesi persekolahan selain sebagai pusat sehati untuk me-reka berehat sebentar," katanya.

Beliau merasmikan penjenamaan semula Perpustakaan Syed Mashor di Kuala Kubu Bharu di sini baru-baru ini. Turut hadir, Pengarah PPAS Datin Paduka Mastura Muhammad.

Perpustakaan Syed Mashor yang dinamakan sempena nama pahlawan Melayu ulung dalam Perang Kelang dinaik

taraf membabitkan kos RM3.25 juta dan mula beroperasi pada Oktober 2022.

Sementara itu, Mastura menjelaskan projek perintis Perpustakaan Mesra Transit yang dijayakan di PPAS Bukit Bangkong, Sepang tahun lalu menerima sambutan baik.

Beliau menambah kemudahan tersebut akan diteruskan kepada 12 perpustakaan terpilih di seluruh negeri membabitkan lima perpustakaan daerah dan tujuh perpustakaan cawangan.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas

PUTERI
Ariana 2
Rumah Teres 2 Tingkat



*Gambar ilustrasi pelukis

Memperkenalkan

Kediaman Eksklusif Di Perbandaran Dikelilingi Kemudahan

Pelancaran Rumah Teres 2 Tingkat
Sabtu, 25 Mei 2024 | 10 pagi - 5 petang

PKNS Puteri Ariana

Alami kehidupan eksklusif di Puteri Ariana 2 - sebuah kediaman eksklusif di Kota Puteri Crown City yang menawarkan akses mudah kepada kemudahan awam. Jom bersama kami di majlis pelancaran untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Puteri Ariana 2 dan pakej-pakej menarik yang tersedia.



4 Bilik Tidur,
3 Bilik Air



Berkonsepskan
'Open Space'



Pencahayaan
Semulajadi Melalui
Atap Skylight



Kemudahan
Akses

Di Pusat Pertumbuhan:



KOTA PUTERI
CROWN CITY

010-928 0187
 03 5022 0188



pkns.gov.my

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
 PKNS OFFICIAL

PKNS
HOMES

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor

Bahagian Jualan Hartanah, Tingkat 3, Blok B, No.2, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

No. lesen pemaju: 9062/11-2028/1331(R) Tarikh sah: 04/11/2023 - 03/11/2028 No.permit iklan & jualan: 9062-123/03-2026/0273(N)-(L) Tarikh sah: 29/03/2024-28/03/2026 Pihak berkuasa yang meluluskan pelan bangunan: Majlis Perbandaran Selangor No. kelulusan pelan: MPS 3/2-1371/455(PB(A))F.4D(SEK.8). Status hakmilik: Pajak selama 84 tahun berakhir pada 14 September 2104. Bebanan tanah: Tiada. Tarikh jangka siap: Disember 2026. Jenis rumah: Rumah Teres 2 Tingkat. Bilangan unit: 49 unit (20' x 70'). Harga minima: RM688,600 Maksima: RM783,200 Jenis rumah: Rumah Teres 2 Tingkat. Bilangan unit: 23 unit (24' x 67') Harga minima: RM787,600. Maksima: RM849,200. Sekatan-sekatan kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak, atau digadai melainkan dengan kebenaran pihak Berkuasa Negeri.

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA.

Arah PBT pangkas pokok tua

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) memangkas pokok tua bagi mengelak insiden pohon tumbang hingga mencederakan orang awam.

Beliau memberitahu kerja tersebut perlu supaya tiada pokok tumbang atau dahan patah seperti kejadian di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur yang mengakibatkan seorang maut pada 7 Mei.

"Kerja memotong pokok perlu untuk elak kejadian sama terjadi ketika hujan lebat atau angin kencang.

"Ini perlu diperhatikan PBT bagi memastikan keselamatan rakyat," katanya.

Amirudin yakin semua PBT Selangor mengambil pengajaran kejadian puluhan pokok tumbang dalam hujan lebat sekitar sini beberapa tahun lalu meski tiada nyawa melayang.

"Sebab itu saya percaya mereka belajar daripada peristiwa tersebut dan telah ambil langkah lanjut tetapi peringatan harus kita teruskan," katanya.

Kempen berhemah, ikut peraturan

HULU SELANGOR - Jentera Kerajaan Perpaduan menjalankan kempen penuh hemah dan mematuhi peraturan tetapi berkesan sepanjang pilihan raya kecil Kuala Kubu Bharu.

Pengerusi Pakatan Harapan (HARAPAN) Selangor Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan keberkesanan jentera berkenaan membawa kemenangan calonnya Pang Sock Tao dengan majoriti 3,869 undi.

"Kita yakin telah jalani kempen secara berhemah yang tidak memerlukan menggunakan cacik dan fitnah seperti dilakukan pihak lawan untuk mengelirukan pengundi," katanya pada 11 Mei.

Sementara itu, kemenangan Kerajaan Perpaduan dalam pilihan raya kecil Kuala Kubu Bharu membuktikan kerjasama gabungan itu di landasan tepat.

Pengarah Pilihan Raya HARAPAN Ng Sze Han memberitahu pelbagai usaha giat dilakukan Kerajaan Perpaduan bagi memastikan nasib segenap lapisan rakyat terus terbela dan ekonomi terus maju.

"Sinergi kerjasama kunci kepada kestabilan dan kemakmuran negara demi menjayakan pembangunan negara yang berbilang kaum," katanya.

e-Tanah elak nama pemilik bertindih

SHAH ALAM - Pelaksanaan sistem e-Tanah di Selangor sejak tahun lalu berupaya menangani isu pemilikan tanah bertindih pada peringkat awal, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu sistem berkenaan antara lain memastikan pengurusan dan pentadbiran tanah lebih bersepadu menerusi kaedah pendigitalan.

"Kebanyakan (pertindihan) terjadi kerana ia direkod secara manual sebelum ini. Tetapi sejak ada sistem e-Tanah yang diguna pakai, kes ditangani pada peringkat awal," katanya pada 9 Mei.

Sistem tersebut menekankan pengurusan dan pentadbiran tanah bersepadu di negeri-negeri Semenanjung. Selangor melaksana sistem itu sejak 30 Oktober tahun lalu.

Sementara itu, pertindihan hak milik tanah keluarga pelakon Ammar Baharin berlaku akibat kesilapan teknikal pemilikan secara berkelompok yang diluluskan pada 1978 dan 1995.

Menurut Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Selangor, kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada tahun berkenaan mengakibatkan dua hak milik dikeluarkan ke atas satu plot tanah sama.

Menurut PTG, siasatan mendapati ada kesilapan teknikal semasa membuat carta secara manual ke dalam lembar lito (litho sheet) di Unit Teknikal PDT Hulu Langat.

"Ini seterusnya mengakibatkan pengeluaran dua hak milik atas satu plot tanah yang sama sebagaimana yang dibangkitkan oleh pengadu (Ammar)," kata kenyataan itu.

Pada April, Ammar membangkitkan isu berkenaan di media sosial sebelum keluhannya mendapat perhatian Amirudin yang menjelaskan tanah berkenaan telah diratifikasi semula.

Sokongan semua kaum meningkat

Gabungan tepat majukan ekonomi

Oleh **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

SHAH ALAM - Kemenangan calon Kerajaan Perpaduan Pang Sock Tao menunjukkan kepercayaan orang Melayu berkembang manakala sokongan kaum Cina dan India serta Orang Asli terus mengukuh.

Pengerusi Pakatan Harapan (HARAPAN) Selangor berkata sokongan kepada Kerajaan Perpaduan meningkat secara menyeluruh berdasarkan keputusan pilihan raya kecil Kuala Kubu Bharu (KKB).

Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu Kerajaan Perpaduan gabungan tepat bagi memajukan lagi ekonomi negara seterusnya menambah baik taraf dan mutu kehidupan penduduk.

"Keputusan rakyat ini adalah isyarat bahawa mereka tidak mahu ejen pemecah belah untuk mewakili mereka," katanya dalam kenyataan pada 11 Mei.

Sock Tao yang memperoleh 14,000 undi menang dengan majoriti 3,869 undi dalam saingan empat penjuru, menewaskan calon Perikatan Nasional dan Parti Rakyat Malaysia serta calon Bebas.

Amirudin yang juga Dato' Menteri

Besar akan memastikan ikhtiar sepanjang kempen dijayakan sebaik mungkin bagi kebaikan penduduk KKB dan Hulu Selangor.

"Ini merupakan amanah rakyat yang harus menjadi tanggungjawab kita bersama sebagai pemimpin yang dibeban kepercayaan untuk terus memajukan negeri dan memulihkan negara," katanya.

Beliau juga menyifatkan kemenangan Sock Tao sebagai pengiktirafan kepada jasa bakti mendiang Lee Kee Hiong, bekas wakil rakyat KKB, dalam membela penduduk di sini sejak 2013.

Bukti rakyat mahu negara stabil

HULU SELANGOR - Kemenangan calon Kerajaan Perpaduan Pang Sock Tao dalam pilihan raya kecil Kuala Kubu Bharu membuktikan kepercayaan rakyat terhadap kepimpinan Kerajaan Perpaduan.

Pengerusi DAP Selangor Gobind Singh Deo berkata kejayaan tersebut juga isyarat jelas sokongan rakyat terhadap kepimpinan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu keputusan berkenaan juga membuktikan orang

ramai mahu sebuah kerajaan stabil dengan visi dan misi jelas bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Ini juga membawa isyarat penduduk ingin Sock Tao meneruskan kerja baik mendiang Lee Kee Hiong," katanya dalam sidang media pada 11 Mei selepas pengumuman Suruhajaya Pilihan Raya.

Pengerusi Perhubungan Barisan Nasional Selangor Datuk Megat Zulkarnain Omar Din pula memberi jaminan untuk mengukuhkan lagi kerjasama dengan HARAPAN bagi menjamin kestabilan sedia ada.

"Penghargaan buat jentera BN dan Umno yang bekerja keras menangkis serangan sepanjang kempen yang menyumbang kemenangan tiga daerah majoriti Melayu," katanya.



WAKTU SOLAT	16 - 22 MEI 2024 7 - 13 ZULKHAEDAH 1445	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
16 Khamis		5:40	5:50	7:01	1:12	4:35	7:20	8:34	5:41	5:51	7:02	1:13	4:35	7:20	8:34	5:41	5:51	7:02	1:15	4:37	7:23	8:36
17 Jumaat		5:40	5:50	7:01	1:12	4:35	7:20	8:34	5:41	5:51	7:02	1:13	4:36	7:20	8:34	5:41	5:51	7:02	1:15	4:37	7:23	8:36
18 Sabtu		5:40	5:50	7:01	1:12	4:35	7:20	8:34	5:41	5:51	7:02	1:13	4:36	7:20	8:34	5:41	5:51	7:02	1:15	4:38	7:23	8:36
19 Ahad		5:40	5:50	7:01	1:13	4:35	7:20	8:34	5:41	5:51	7:02	1:13	4:36	7:20	8:34	5:41	5:51	7:02	1:15	4:38	7:23	8:37
20 Isnin		5:40	5:50	7:01	1:13	4:36	7:21	8:34	5:40	5:50	7:02	1:13	4:36	7:21	8:34	5:41	5:51	7:02	1:15	4:38	7:23	8:37
21 Selasa		5:40	5:50	7:01	1:13	4:36	7:21	8:35	5:40	5:50	7:02	1:13	4:37	7:21	8:35	5:41	5:51	7:02	1:15	4:38	7:23	8:37
22 Rabu		5:39	5:49	7:01	1:13	4:36	7:21	8:35	5:40	5:50	7:02	1:13	4:37	7:21	8:35	5:41	5:51	7:02	1:15	4:39	7:23	8:37



SOKONG... Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan berangkat ke majlis bacaan Yasin dan doa selamat buat pemain Selangor FC Faisal Halim di Masjid Sultan Abdul Samad, Sepang pada 10 Mei. Hadir sama, EXCO Sukan Najwan Halimi. Foto FIKRI YUSOF ► BERITA MUKA 20 & 21

Seru orang ramai beri maklum balas

Pelan pembangunan untuk semua

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Orang ramai dipelawa memeriksa laporan dan memberi cadangan mahupun bantahan terhadap Draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 (Pengubahan) mulai 9 Mei hingga 8 Jun.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu penyertaan awam penting bagi memastikan Selangor memiliki rangka perancangan pembangunan merangkumi segenap aspek semasa.

"Ini penting bagi memastikan kita tidak terlepas pandang. Ia hal besar, satu rangka untuk 2035. Pembangunan Selangor ada dasar dan prinsip yang mesti sesuai dengan keadaan (semasa).

"Ini bukan rangka kita (Kerajaan Negeri semata-mata) tetapi rangka suara rakyat," katanya dalam program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 pada 9 Mei.

Laporan draf itu boleh disemak di Bangunan Darul Ehsan Shah Alam, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor di Putrajaya.

Dokumen itu dan borang bantahan boleh didapati melalui pautan linktr.ee/rsns2035pengubahan atau layari www.jpbdselangor.gov.my/

Amirudin juga menjelaskan draf rancangan tersebut adalah kajian semula Rancangan Struktur Negeri Selangor yang diwartakan pada 2017 sebelum berlaku pengubahan.

"Maknanya ini bukan baharu, 2017 kita warta rancangan ini, kemudian proses pengubahan. Pengubahan itu berdasarkan reaksi dan perkembangan semasa serta trend di sekeliling," katanya.

Beliau turut mahu memberi lebih tumpuan untuk membangunkan kawasan pinggir bandar yang boleh menjadi pemangkin kepada kerancangan kawasan yang belum menerima pembangunan sepenuhnya.

Amirudin merujuk Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA), Zon Pembangunan Ekonomi Selangor Maritime Gateway (ZPE SMG) dan Wilayah Pembangunan Bersepadu Selatan Selangor (IDRISS).

Pengubahan Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 bertujuan menyelaras semula dasar pada peringkat antarabangsa, persekutuan dan negeri yang belum ditambah baik sejak diwartakan.

Pembinaan sekolah siap 24 bulan

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor akan memastikan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Castlefield yang baharu di Puchong, Subang Jaya siap dalam masa antara 24 hingga 36 bulan.

Dato' Menteri Besar menjelaskan pentadbiran negeri terpaksa mencari alternatif tanah supaya projek itu diteruskan berikutan laluan Transit Aliran Ringan (LRT) melalui kawasan sekolah.

Menjelaskan proses kelulusan dipercepat, Dato' Seri Amirudin Shari berkata pembangunan itu menggunakan dana Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) dan Dhaya Maju Infrastructure Asia (DMIA) Sdn Bhd.

"Ini membuktikan tekad Kerajaan Perpaduan baik peringkat persekutuan mahupun negeri untuk membela nasib dan kebajikan masyarakat India terutama dalam bidang pendidikan.

"Hanya dengan kepimpinan peringkat persekutuan dan negeri yang sehati sejiwa, Kerajaan Negeri dan Kementerian Pengangkutan bersama-sama dalam majlis ini," katanya di Facebook pada 9 Mei.

Prasarana membayar pampasan RM20 juta bagi membangunkan sekolah itu di lokasi baharu di Pusat Bandar Puchong manakala DMIA Sdn Bhd pula membayar lebih kos pembinaan tersebut.

Jalan Bidor & Lorong Bidor, Taman Summit, 41300 Klang, Selangor

HAK MILIK KEKAL

Unit BUMIPUTRA Sahaja

Jenis Bangunan	Harga Jualan Selepas 7% Diskaun		Luas Tanah		Luas Binaan
	Minimum	Maksimum	Minimum	Maksimum	
Rumah Berkembar 2 tingkat	RM 1,209,000.00	RM 1,395,000.00	334.48 mps	376.61 mps	140.46 mps

Koordinat Lokasi GPS: 3.048225, 101.459271

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: **03-3168 4907**

Pemaju: Kuangmas Sdn Bhd (334264-V). Tel.: 03-31684907. Alamat: 140, Persiaran Raja Muda Musa, 42000 Port Klang, Selangor Darul Ehsan. Jenis Pembangunan: Rumah Berkembar. No. Lesen Pemaju: 8724/02-2026/0280(R). Tempoh Sah: 09/02/2023 - 08/02/2026. No. Permit Iklan dan Jualan: 8724-3/02-2025/0255(R)-(L). Tempoh Sah: 09/02/2024 - 08/02/2025. Pihak Berkuasa Kelulusan Pelan MAJLIS PERBANDARAN KLANG NO RUK: MPK/BGN-600-4/1/0189(2019). Pegangan Tanah: selama-lamanya. Syarat Nyata: Bangunan Kediaman. Tarikh Dijangka Siap: Ogos 2024. Jumlah baki unit: 6 unit 2 tingkat RM1,209,000-RM1,395,000. Iklan ini telah diluluskan oleh Jabatan Perumahan Negara.

Pastikan pengguna jalan raya selamat

SHAH ALAM - Langkah segera diambil bagi menangani kejadian tanah runtuh di Jalan Sungai Lalang, Semenyih, Kajang yang mengakibatkan jalan terputus dari kedua-dua arah pada 13 Mei.

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim memberitahu makluman awal notis penutupan jalan juga diletak pada persimpangan menghala ke lokasi kejadian itu, lapor Bernama.

Beliau menambah Jabatan Kerja Raya negeri dan Majlis Perbandaran Kajang turut bercadang untuk membuka laluan alternatif sementara merentasi kawasan tanah persendirian berdekatan.

"Operator lori sampah MPKJ turut menawarkan untuk pembinaan pembentung sementara di laluan tersebut dan perkara berkenaan juga sedang diteliti," katanya di Facebook pada hari kejadian.

Tingkat ekonomi kaum India

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberi jaminan kebajikan rakyat berbilang kaum termasuk masyarakat India sentiasa menjadi keutamaan pentadbiran negeri.

Setiausaha akhbarinya Jay Jay Denis berkata pengerusi Pakatan Harapan itu mengulangi tekad itu ketika bertemu pemimpin kaum India di Pejabat Penyelaras Parlimen Hulu Selangor pada 8 Mei.

Program disediakan bagi meningkatkan pendapatan masyarakat India antaranya Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan (Blueprint) dan Pembangunan Usahawan India Selangor (Sitham).

Bagi meringankan beban keluarga, pentadbiran negeri juga membelanjakan RM1.1 juta untuk menjayakan program Subsidi Tambang Bas Sekolah kepada sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT).

Peluang mohon anjur jualan murah

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) membuka permohonan dalam talian untuk menganjurkan Jualan Ehsan Rahmah (JER) di mana-mana lokasi sesuai.

Orang ramai yang berminat menganjurkan jualan murah barangan asas pada harga 30 peratus lebih murah berbanding pasaran boleh memohon menerusi pautan forms.gle/3xE6acRZRv17X2zT6

Permohonan tersebut boleh dibuat melalui pelbagai pihak antaranya wakil rakyat, ketua kampung, pihak berkuasa tempatan, ahli majlis atau jabatan kerajaan.

JER menawarkan ayam, daging pejal, telur gred B, ikan kembung, minyak masak lima kilogram dan beras lima kilogram.

Lokasi terkini jualan murah boleh disemak di Facebook PKPS, imbas kod QR di poster jualan atau pautan linktr.ee/myPKPS

Simpan bekalan air secukupnya 5 Jun

SHAH ALAM - Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1) melalui proses selenggara dan penggantian aset berjadual mulai 9 pagi dan dijangka selesai jam 7 malam pada 5 Jun.

Menurut Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), ia menyebabkan masalah penyaluran bekalan di Petaling, Klang, Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor dan Kuala Selangor.

Justeru, Air Selangor menggerakkan lori tangki air ke kawasan terlibat dengan keutamaan kepada premis kritikal seperti hospital, klinik, pusat dialisis dan upacara pengebumian.

"Bagi pelanggan komersial, bekalan air terawat boleh dibeli di mana-mana kaunter khidmat pelanggan Air Selangor di wilayah yang terjejas.

"Mereka juga boleh menggunakan lori tangki air masing-masing di empat stesen pengisian air yang akan dibuka di Bremer Estet (Hulu Langat), Taman Gemilang Dengkil dan Pekan Salak (Sepang) serta Taman Banting Baru (Kuala Langat)," tulisnya di Facebook.

Kenyataan itu menyebut pengguna

dijangka menerima bekalan berperingkat mulai jam 3 pagi pada 6 Jun setelah kerja tersebut selesai dan sistem agihan utama bekalan distabilkan.

"Air Selangor ingin menasihatkan pelanggan terjejas supaya menyimpan bekalan air secukupnya dan menggunakan air secara berhemah sepanjang tempoh gangguan," kata kenyataan di Facebook.

Maklumat lanjut, layari aplikasi Air Selangor, Facebook, Instagram dan X atau hubungi Air Selangor melalui talian 15300 atau layari www.airselangor.com/

Dianjur dua kali mulai Julai

Sidang niaga sasar transaksi RM7 bilion

SHAH ALAM - Invest Selangor Bhd menyasar potensi nilai transaksi sehingga RM7 bilion melalui penganjuran Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) pada tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Datuk Hasan Azhari Idris berkata SIBS diadakan dua kali tahun ini bagi menampung permintaan yang meningkat susulan sambutan baik tahun lepas.

"Kami yakin mampu capai tambahan RM1 bilion tahun ini, dengan siri pertama

ma pada 25 hingga 27 Julai manakala siri kedua 16 Oktober hingga 19 Oktober," katanya seperti dilapor Bernama.

Pada tahun lalu, nilai transaksi yang diperoleh dalam SIBS kira-kira RM6 bilion.

Beliau memberitahu dua acara dalam siri pertama memberi tumpuan kepada sektor pelaburan iaitu Ekspo Taman Perindustrian Selangor (Spark) dan Persidangan Perniagaan Asean Selangor (SABC).

Katanya, Spark mengetengah keupayaan dan daya tarikan Selangor

sebagai lokasi pelaburan selain acara sehati untuk mempamer potensi lokasi pelaburan di Malaysia serta Asia Tenggara.

Menjangka kehadiran kira-kira 60,000 pengunjung, Hassan menambah Spark menampilkan lebih 150 syarikat baik dari Malaysia dan negara Asean melibatkan peserta pelbagai sektor perniagaan.

Jelasnya, SABC pula menyediakan wacana intelektual untuk pelabur dan masyarakat perniagaan untuk memahami saranan nilai setiap negara sebelum melawat pavilion negara di Spark 2024.

Cuaca panas tidak halang pengunjung

HULU SELANGOR - Panas terik tidak menghalang ratusan penduduk sekitar Ulu Yam menyerbu Jualan Ehsan Rahmah (JER) di pekarangan Masjid Al-Falah di sini.

Ibu tunggal, Hazanah Mahmud, 40, yang pertama kali mengunjungi program tersebut teruja melihat barangan dijual murah sekali gus membantu golongan berpendapatan rendah seperti dirinya berjimat.

"Terkejut tengok harga barang sangat murah dan berpatutan. Harap jualan begini diteruskan dengan lebih kerap terutama di kawasan luar bandar.

"Giliran menunggu tidak lama walaupun orang ramai dan cuaca panas terik. Penganjur menggunakan sistem nombor jadi kita sudah tahu giliran kita," katanya pada 8 Mei.

Letchumanan, 60, yang datang bersama isteri pula berterima kasih kepada

Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) kerana membenarkan pembelian tanpa had.

"Saya tahu (program) jualan ini daripada kumpulan WhatsApp jiran tetangga, sebelum ini pernah pergi juga di Ulu Yam Lama, tetapi barangan dihadkan tidak boleh beli banyak.

"Alang-alang boleh beli lebih saya dan isteri beli terus untuk stok sebulan memandangkan kami ramai tujuh beranak," katanya yang bekerja sebagai tukang kebun.

Selain itu, Tan Che Hang, 57, turut tidak melepaskan peluang

berkunjung ke jualan murah dan berharap lebih banyak barangan ditawarkan selepas ini.

Jualan mulai jam 10 pagi hingga 1 tengah hari menawarkan 400 ekor ayam, beras (300 pek), daging (120 pek), ikan (100 pek), minyak masak (40 botol) dan barangan kering seperti gula dan air kordial.

Selain itu, sayur-sayuran, tanam-tanaman dan baja organik yang dibawa khas dari ladang Selangor Fruit Valley turut ditawarkan kepada pengunjung.

JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal (RM10 setiap pek), telur gred B (RM10 setiap pek), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kilogram (RM25) dan beras lima kilogram (RM13).





Dr Mohammad Fahmi (tengah) bersama Pengerusi MDEC Syed Ibrahim dan Ahli Parlimen Shah Alam Azli Yusof bersama peserta Jelajah Saya Digital Shah Alam di Shah Alam pada 12 Mei. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

Sedia pelan lima tahun

Tingkat prasarana digital

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

SHAH ALAM - Penelitian Pelan Tindakan Smart Selangor 2025-2030 giat dijalankan bagi memastikan agenda pendigitalan selaras keperluan semasa, kata EXCO pembudayaan inovasi.

Dr Mohammad Fahmi Ngah memberitahu penelitian peringkat akhir program yang dahulunya dikenali Smart Selangor 2016-2025 dijangka selesai dalam tempoh dua hingga tiga bulan lagi.

"Ada banyak perkara perlu diselesaikan, mungkin dalam dua atau tiga bulan (selesai)," katanya dalam Jelajah Saya Digital anjuran Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) pada 12 Mei.

Beliau menjelaskan fasa pertama pelan tersebut tertumpu ke arah menyediakan prasarana kemudahan digital untuk kegunaan orang ramai manakala fasa kedua keberkesanan penggunaannya.

Dr Mohammad Fahmi menjelaskan industri pembuatan dalam proses dinaik taraf manakala sektor berasaskan penggunaan internet kebendaan (IoT) dan robotik yang memerlukan pengendali bijak.

"Kita juga meneroka pelbagai bidang

baharu termasuk membangunkan pusat pengujian teknologi dron di Bestari Jaya dalam pelbagai bidang antaranya pengurusan ruang udara," katanya.

Sementara itu, seramai 103,858 usahawan di Selangor yang dilatih dalam program eUsahawan kendalian MDEC menjana jualan lebih RM309 juta.

Pengerusinya Syed Ibrahim Syed Noh menjelaskan bilangan tersebut sebahagian daripada 563,543 pelatih di seluruh negara yang menjana jualan terkumpul lebih RM1.24 bilion.

Beliau memberitahu mereka terdiri daripada pelajar institusi pengajian tinggi, pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional dan golongan usahawan sejak MDEC diperkenalkan pada 2015.

Berucap dalam Jelajah Saya Digital, Syed Ibrahim berkata program itu menekankan kepentingan keusahawanan digital untuk menjana pendapatan, mempromosi produk dan meningkatkan jualan.

Syed Ibrahim menambah penyediaan ekosistem ekonomi digital penting bagi membina masyarakat berdaya saing selain memastikan bakat sedia ada memenuhi keperluan industri.

Beliau memberitahu MDEC mengadakan program tersusun termasuk peringkat sekolah iaitu MyDigitalMaker yang dilancarkan pada Ogos 2016.

Sistem ramal kemarau lebih awal

SHAH ALAM - Penggunaan sistem pengurusanimbangan air negara (Nawabs) membantu kemungkinan kemarau diketahui dua bulan lebih awal dan amaran diperolehi dalam 14 hari lebih awal.

Menurut pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor, Nawabs memudahkan agensi berkaitan merancang persediaan awal dan mengambil tindakan bagi meminimumkan kesan bencana.

Menjelaskan Lembangan Sungai Bernam dan Lembangan Sungai Klang terlibat dengan Nawabs, Nasser Salim berkata keutamaan apabila berlaku kemarau ialah penyaluran bekalan air kepada pengguna.

"Jadi, kita memberi data untuk Kerajaan Negeri membuat keputusan, cukup atau tidak (bekalan air). Itu adalah apa yang kita boleh bantu," katanya seperti dilapor Bernama pada 10 Mei.

Nawabs yang melibatkan 19 lembangan sungai dibangunkan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air pada Mac menerusi Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

Nasser menambah maklumat amaran bencana juga diperolehi daripada Jabatan Meteorologi Malaysia yang ada sistem radar canggih selain perkongsian dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara.

LOT BUMIPUTERA TERSEDIA

Alira

SUBANG JAYA

GAYA HIDUP KONTEMPORARI DENGAN PENGALAMAN KEDIAMAN DESTINASI REKREASI

Nikmati gaya hidup melangkaui keselesaan rumah sendiri di Alira. Kejiranan bersepadu 88-ekar berpegangan bebas, menggabungkan kediaman kontemporari dengan kehijauan segar, dikelilingi hab komersial dan pendidikan di dalam Subang Jaya.

MOT PERCUMA

SIAP DIBINA 2025

Gaya Hidup Berinspirasi Resort

Ruang Bekerja Khas

Bersebelahan Sekolah Antarabangsa Sri KDU

Lebih 40 Kemudahan Penuh

Akses Terus Kepada Taman Rimba Seluas 9.2 ekar

AVALAND

an Avaland company

Next Delta Sdn Bhd (1130397-A)
A subsidiary of AVALAND BERHAD (881786-X)
(Formerly known as MCT Berhad)

www.avaland.com.my

+6011 1722 5551

Alira at Subang Jaya
Avaland Gallery, Taipan USJ
W: alira.my

In Compliance with

No. Lesen Pemaju: 30624/11-2028/0299(N) • Tarikh Sah: 21/11/2023 - 20/11/2028 • No. Permit Pengiklanan dan Jualan (Fasa 1): 20185-1/11/2024/1646(RH-S) • Tarikh Sah: 19/11/2023 - 18/11/2024 • No. Permit Pengiklanan dan Jualan (Fasa 2): 20185-2/07-2025/0073(NH-S) • Tarikh Sah: 04/07/2022 - 03/07/2025 • Pemaju: Next Delta Sdn. Bhd. (1130397-A) • Alamat: Lot C-02, Level 2, SkyPark @ One City, Jalan USJ 25/1, 47650 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03 5115 9988 • Tempoh Pegangan Tanah: Pegangan Bebas • Bebanan Tanah: Maybank Islamic Berhad • Pihak Berkuasa Meluluskan Pelan Pembangunan: Majlis Bandaraya Subang Jaya • No. Kelulusan Pelan Pembangunan: MBSJ.BGN.BP2.600-1/110/4/14 • Tarikh: Jangkaan Siap Pembinaan: Dec 2025 • Jumlah Unit: 832 • Harga Menara A: RM578,916 (Min) - RM884,286 (Max) Harga Blok 1: RM978,640 (Min) - RM1,068,340 (Max) • Harga Menara B: RM716,800 (Min) - RM899,800 (Max) • Diskaun Bumiputera: 10% • IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Bukti dukungan rakyat pada Kerajaan Perpaduan



Foto BERNAMA

SHAH ALAM - Walau isu kaum dan agama masih menguasai perbualan politik, pilihan raya kecil Kuala Kubu Bharu (KKB) menunjukkan ia bukanlah faktor penentu kemenangan calon. Ramai pengundi memilih jalur pertimbangan lain.

Meski Perikatan Nasional (PN) cuba menanggung isu kaum dan agama seperti pilihan raya umum November 2022 dan pilihan raya negeri Ogos 2023, masih ada yang memikirkan persoalan lebih penting seperti kejayaan Kerajaan Negeri.

Tinjauan Ilham Centre menjelang hari mengundi 11 Mei mendapati warga KKB memandang cukup positif: pentadbiran negeri (74.0 peratus tahap kepuasan), kepemimpinan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (70.8 peratus) dan khidmat mendiang Lee Kee Hiong (63.0 peratus).

Kaji selidik itu juga mendapati pengundi mula mempertikai wakil-wakil rakyat PN yang memenangi dua lagi kerusi Dewan Undangan Negeri, Batang Kali serta Hulu Bernam, dan kawasan parlimen Hulu Selangor.

"Isu Yang Berhormat PN tidak perform (tunjuk khidmat) menjadi topik perbin-

cangan pengundi di sini," kata badan penyelidik itu dalam laporan tinjuannya pada 10 Mei.

Susulan itu, calon Pakatan Harapan (HARAPAN) berjaya menguasai lebih banyak pusat daerah mengundi (PDM), termasuk pemilih Melayu, yang sebelum ini condong kepada pembangkang.

Amirudin, yang juga pengerusi HARAPAN Selangor, berkata keputusan di peringkat lokaliti (PDM) menunjukkan "sokongan yang diberikan kepada calon Kerajaan Perpaduan meningkat secara menyeluruh."

Katanya, kemenangan Pang Sock Tao menunjukkan "kepercayaan orang Melayu berkembang, manakala sokongan kaum Cina dan India serta Orang Asli terus mengukuh."

Calon HARAPAN menang dengan majoriti 3,869 undi, kurang sedikit daripada 4,119 yang diraih Kee Hiong pada 2023, apabila mengutip 14,000 undi berbanding pencabar terdekatnya Khairul Azhari Saut (PN).

Penurunan ini antaranya akibat peratusan keluar mengundi yang lebih rendah, daripada 69.1 peratus pada Ogos

kepada 61.5 peratus kali ini. Jumlah undi dua calon teratas ini juga berkurang: Sock Tao 862 undi dan Khairul (612 undi).

Pengarah pilihan raya HARAPAN bagi pilihan raya kecil ini Ng Sze Han menjelaskan sokongan terhadap gabungan itu meningkat merentasi semua kumpulan etnik, daripada 54.4 peratus pada Ogos lepas kepada 56.57 peratus.

Sokongan pengundi Melayu meningkat hampir tiga peratus kepada 40.4 peratus daripada 37.7 peratus dan Cina pula meningkat lebih tiga peratus kepada 87.1 peratus (83.9 peratus).

Sze Han, yang juga setiausaha DAP negeri, berkata sokongan pengundi India dan pasukan tentera serta polis di KKB turut meningkat dengan ketara, masing-masing sebanyak 24 peratus dan 40 peratus.

Menurut Ilham Centre lagi, naratif kaum dan agama gaya PN malah merisaukan pengundi Cina walau masih ada isu-isu pentadbiran kerajaan yang kurang menyenangkan mereka.

"Ketidakpuasan hati mereka kepada HARAPAN tidak menunjukkan tanda-tanda mereka akan beralih sokongan kepada

PN. Ini disebabkan faktor penolakan daripada PN tersebut lebih besar berbanding faktor tidak selesa dengan HARAPAN dan Kerajaan Perpaduan," kata laporan kajian itu lagi.

"Mereka mendakwa pendekatan PN keras dan tidak lunak kepada komuniti Cina, banyak isu menyebabkan mereka menjarakkan diri daripada PN antaranya singgungan PAS terhadap sekolah vernakular."

Keputusan pengundi mengekalkan kerusi KKB di tangan wakil kerajaan membayangkan rakyat masih berharap pentadbiran sekarang diteruskan, bukan seperti hasrat pembangkang untuk menjadikannya "referendum".

Hakikatnya Kerajaan Perpaduan bawah kepimpinan Amirudin terus merekod pelbagai kemajuan, sejak 2018, selain menambah baik pakej kebajikan Iltizam Selangor Penyayang.

Kerajaan Perpaduan di Putrajaya bawah teraju Datuk Seri Anwar Ibrahim juga bertungkus lumus membela kepentingan rakyat pelbagai kaum dan membawa kemajuan ekonomi walau usia pentadbirannya hanya 18 bulan.



Seminggu bersama ulama

Lebih 20 ulama terkenal dan bijak pandai Islam termasuk dari Mesir, Thailand dan Indonesia sekali lagi berkumpul di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam bersempena Festival Turath Islami Selangor.

Berlangsung antara 26 Mei hingga 2 Jun, perhimpunan selama lapan hari itu menyaksikan pengajian lengkap kitab tersohor Hadis 40 karya Imam an-Nawawi, tokoh ulama ahli sunnah dan mazhab Syafie yang dikenali seluruh dunia.

Festival turath kali ini membuka peluang kepada peserta menadah kitab dalam lebih 30 sesi bersama tokoh agama terpilih, antaranya bekas Mufti Besar Mesir Prof Dr Ali Jum'ah Muhammad Abdul Wahab.

Ketika festival pertama, antara 20-25 Mei 2023, beliau menghuraikan tema utama Ihya Ulumuddin, karya agung Imam al-Ghazali yang kini dalam proses penterjemahan kepada bahasa Melayu. Lihat **muka surat 14.**

Kali ini, pertemuan tersebut



Boleh dikatakan kegiatan pengembangan turath kian rancak di Malaysia dan Selangor dilihat sebagai salah satu penggerak utama kegiatan mengembangkan warisan turun-temurun Islam

mengangkat Hadis 40 yang dihurai oleh Dr Ali Jum'ah melalui karyanya yang sudah diterjemahkan 40 Hadis Imam Nawawi: Sebuah Huraian untuk Dunia Semasa. Wawancara dengan penterjemah di **muka surat 11.**

Festival ini turut disertai ilmuwan Indonesia seperti Dr Said Aqil Siradj dan Dr Adi Hidayat. Baba Ghazali Ahmad, ulama pondok dari Pattani, Thailand turut berbicara. Ilmuan dari Malaysia dibarisi Datuk Dr Osman Bakar dan Mufti Selangor Dato' Setia Prof Madya Dr Anhar Opir.

Pemilihan Imam an-Nawawi dan dua karyanya sebagai tema festival kali ini dibuat hasil cetusan fikiran Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Selain sesi pengajian, peserta berpeluang melihat manuskrip al-Quran dan kitab warisan Islam Alam Melayu dalam pameran di masjid negeri. Persembahan artis antarabangsa Abu Sha'ar Bro dari Syria antara tarikan baharu festival ini.

Jadual lengkap festival selama lapan hari ini dimuatkan pada **halaman 12 dan 13.**

Wartawan **ABDUL RAHIM SABRI**, yang mengikuti hampir semua acara festival tahun lalu, mewawancara Pengarah Sekretariat Turath Farhan Affandi pada 13 Mei mengenai keistimewaan Festival Turath Islami Selangor tahun ini.



Berbanding festival yang lalu, pada tahun ini lebih banyak acara akan dilangsungkan, iaitu pada kadar hampir sekali ganda lebih banyak acara berbanding tahun lalu

► DARI MUKA 9

Apa hasil positif festival turath tahun lepas?

Festival Turath Islami Selangor yang dianjurkan tahun lepas meletakkan negeri dalam peta gerakan turath nusantara. Sejak penganjuran festival tersebut, boleh dikatakan kegiatan pengembangan turath kian rancak di Malaysia dan Selangor dilihat sebagai salah satu penggerak utama kegiatan mengembangkan warisan turun-temurun Islam.

Pada festival lalu, dianjurkan sesi pengajian kitab Ihya Ulumuddin yang dipimpin tokoh ulama dunia yang juga bekas Mufti Besar Mesir al-Imam al-Allamah Dr Ali Jum'ah. Kini, Selangor sudah mengorak langkah untuk mengembangkan pengajian kitab berbentuk tradisional di masjid-masjid di Selangor.

Festival tahun lalu juga mendapat maklum balas memberangsangkan daripada peserta dan tokoh jemputan. Hal ini dapat dilihat daripada banyak catatan di media sosial sewaktu dan selepas festival.

Beberapa tokoh yang dijemput tahun lalu juga dengan sukacita menyatakan persetujuan untuk ikut serta dalam festival tahun ini, misalnya Prof Emeritus Datuk Dr Osman Bakar, Datuk Dr Mohd Nur Manuty dan Sahibus Samahah Mufti Selangor sendiri, Dato' Setia Prof Madya Dr Anhar Opir. Dari luar negara, antara yang hadir buat kali kedua ialah Baba Ghazali Ahmad dari Pattani dan Kiai Dr Said Aqil Siradj.

Pemilihan tema festival turath tahun ini idea siapa?

Festival tahun ini mengangkat salah seorang ulama terulung mazhab Syafie, Imam an-Nawawi dan dua karya beliau, iaitu kitab himpunan Hadis 40 dan Riyadhus Solihin. Imam an-Nawawi dan karyanya terpilih sebagai tema festival hasil cetusan buah fikiran Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Apa program tambahan menarik festival tahun ini?

Berbanding festival yang lalu, pada tahun ini lebih banyak acara akan dilangsungkan, iaitu pada kadar hampir sekali ganda lebih banyak acara berbanding tahun lalu.

Selain lebih banyak sesi pengajian kitab, festival ini juga diisi oleh persembahan artis antarabangsa Abu Sha'ar Bro dari Syria dan malam Darul Ehsan Berselawat yang menampilkan kumpulan Majelis Azzahir dari Pekalongan, Indonesia.

Boleh ceritakan pemilihan syarah kitab Hadis 40 oleh Dr Ali Jum'ah?



Kitab Hadis 40 karya Imam an-Nawawi adalah salah sebuah kitab paling masyhur dalam sejarah keilmuan Islam. Beliau mengumpulkan 42 hadis tentang kaedah-kaedah penting agama termasuk berkaitan iktikad, fiqh dan akhlak.

Sebelum dan selepas kewafatan Imam an-Nawawi, ramai ulama menyusun buku berbentuk Hadis 40 dengan pelbagai tema. Tapi karya Imam an-Nawawi ini sejak dahulu hingga sekarang tersebar luas menerusi pengajian di pusat pendidikan tradisional dan moden.

Ibarat pepatah Melayu, tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas. Kitab ini juga telah diajar di Malaysia sejak sekian lama, justeru rata-rata muslim yang belajar di madrasah, universiti mahupun masjid pernah mendengar hadis-hadis terkumpul dalam kitab ini.

Kandungannya penting serta dekat dengan masyarakat muslim sedunia termasuk di tanah air kita. Syarah oleh Dr Ali Jum'ah ini tentunya memberi nilai tambah tersendiri, sementelah latar belakang beliau selaku bekas Mufti Besar Mesir dan ulama yang berpengalaman luas dalam keilmuan Islam.

Hadis-hadis yang terkandung dalam kitab Hadis 40 bersifat sejagat, merentasi masa dan zaman. Kaedah-kaedah beragama bersifat tetap, adapun penghayatannya boleh kita sesuaikan dengan konteks hari ini tanpa melanggar ketetapanannya. Misalnya hadis pertama yang cukup terkenal: "Setiap amalan bergantung dengan niat."

Dahulu hingga sekarang niat tetap penting bukan sahaja dalam amal ibadat, malah juga kegiatan seharian termasuk jual beli hingga kes-kes jenayah. Malah dengan kemajuan bidang psikologi sosial hari ini, niat juga didapati memberi dampak dalam tingkah laku dan budaya kerja seseorang.

Apa tumpuan menarik pameran pada festival turath kali ini?

Selain sesi pengajian kitab dan acara persembahan keislaman yang telah disebutkan, festival kali ini juga akan diisi dengan pameran "Al-Wahyu: Tradisi Keilmuan Islam Alam Melayu" yang menampilkan, antara lain, sejumlah mushaf Quran tulisan tangan kuno yang dibawa khas dari Narathiwat, Thailand, kitab-kitab warisan Islam alam Melayu serta peralatan yang digunakan untuk

penerbitan kitab tua dan juga artifak berkaitan ilmu yang terkandung dalam kitab-kitab lama.

Berkenaan konsert Abu Sha'ar Bro, apa yang menarik dan latar belakangnya?

Abu Sha'ar Bro adalah kumpulan seniman lagu Islami ternama nombor satu di tanah Arab. Kumpulan ini telah mengadakan persembahan di pelbagai pelusuk dunia dan kali ini mereka dibawakan khusus untuk santapan rohaniyah rakyat Malaysia dan juga seluruh peserta festival.

Apa jangkauan penganjur untuk festival turath tahun ini?

Lebih banyak pengunjung dan peserta akan hadir pada tahun ini memandangkan nama baik Festival Turath Islami Selangor telah semakin tersebar sehingga semakin banyak orang di dalam dan luar negara menjadi tertarik untuk ikut serta.

Sepanjang tempoh festival tahun ini, dijangkakan ratusan ulama dan puluhan ribu peserta dari seluruh pelosok Nusantara akan hadir ke Shah Alam — kehadiran yang pasti membawa rahmat dan berkat tidak terhingga kepada Selangor dan sekali gus Malaysia.

Seramai 22 tokoh tempatan dan luar negara akan hadir sebagai tetamu jemputan pada kali ini dan sebahagian besarnya nama tersohor. Selain nama-nama yang disebutkan di atas tadi, akan turut hadir Habib Ali Zaenal Abidin, Ustaz Dr Adi Hidayat, Habib Jindan Novel dan Ustaz Muhadir Joll.

Sebanyak 30 sesi akan berjalan sepanjang lapan hari festival ini berlangsung. Salah satu acara paling istimewa adalah Daurah Hadis Empat Puluh di mana hadirin akan amat beruntung mendapat peluang mengaji dan meneliti kitab karangan Imam Nawawi dengan ulama besar dunia al-Imam Dr Ali Jum'ah. Singkatnya, ini adalah peluang untuk semua hadirin menjadi penuntut salah seorang ulama terbaik dalam sejarah.

Bagaimana mendapatkan maklumat lanjut festival turath tahun ini?

Maklumat lanjut tentang festival ini boleh dicapai di laman web www.turathislamiselangor.com

Kitab hadis melurus kefahaman ummah

Kitab Hadis 40 Imam an-Nawawi, atau al-Arba'in al-Nawawiyah, terus menjadi pegangan umat Islam di seluruh dunia. Kementerian Pendidikan mengangkat semula kitab ini sebagai teks pengajian di sekolah menengah.

Karya ulama besar bidang hadis dan pakar fikah mazhab Syafie itu menghimpunkan 42 hadis penting yang membahaskan perkara usul dan sendi agama. Himpunan ini mencakupi kehidupan umat Islam dari sudut akhlak, akidah, hukum dan amal soleh.

Karya beliau sangat popular sehingga diterjemah, dihafal dan dipelajari dalam pelbagai bahasa di universiti, masjid, pondok dan pesantren di seluruh dunia.

Nama asalnya Yahya bin Sharaf, Imam an-Nawawi hidup di Syria pada abad ke-13 ketika pemerintahan kerajaan Mamluk. Beliau mengarang kira-kira 50 karya pelbagai bidang termasuk hadis, akidah dan fikah.

Sepanjang hayatnya 45 tahun, beliau menghabiskan masa hampir tiga dekad mengarang lebih kurang 40 halaman setiap hari sejak usia 18 tahun.

Selain kitab Hadis 40, karya hebat Imam an-Nawawi termasuklah al-Minhaj, kitab syarah Sahih Muslim dan himpunan pelbagai hadis berkaitan ibadat, Riyadus Solihin.

Tepat dengan kehebatan ulama itu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mencadangkan pengajaran Hadis 40 Imam an-Nawawi di hujung Festival Turath Islami Selangor di Shah Alam pada 26 Mei 2023.

Untuk 12 sesi pengajian di Festival Turath Islami Selangor, antara 26 hingga 30 Mei, buku 40 Hadis Imam Nawawi: Sebuah Huraian untuk Dunia Semasa karya bekas Mufti Besar Mesir Prof Dr Ali Jum'ah Muhammad Abdul Wahab dijadikan teks utama.


Kitab huraian Ahli Majlis Tertinggi Ulama Universiti al-Azhar itu menumpukan nilai yang dibawa Rasulullah SAW dengan memperbetulkan salah faham masyarakat, misalnya perintah Allah untuk memerangi manusia supaya beriman.

Wartawan **ABDUL RAHIM SABRI** mewawancarai penterjemah kitab itu Syukry Syaquireen Sarjimin, ketua lajnah penterjemahan Akademi Pemikiran Turath Al-Mustanir, pada 13 Mei.

Kenapa pilih buku tulisan syarahan Hadis 40 karangan Dr Ali Jum'ah untuk diterjemah?

Ia bermula daripada Festival Turath Islami Selangor yang pertama pada tahun lepas. Apabila Dr Ali Jum'ah sendiri yang mencadangkan agar Hadis 40 dijadikan sebagai sebuah silibus dan diajarkan kepada semua peringkat masyarakat.

Perkara ini disambut baik oleh perdana menteri kita Datuk Seri Anwar Ibrahim. Dr Ali Jum'ah memaklumkan bahawa beliau ada mensyarahkan Hadis 40 Imam Nawawi dan menyerahkan



syarahan tersebut kepada Akademi Pemikiran Turath al-Mustanir selaku wakil rasmi beliau di Malaysia untuk diterjemah.

Bagaimana proses awal menterjemah kitab ini?

Bermula dengan perjumpaan dengan pihak IBDE dan menyusun jadual terjemahan serta semakan. Saya memulakan dengan menterjemah syarahan 10 hadis awal.

Apakah cabaran menterjemah karya sama ada dari segi bahasa dan lain-lain?

Cabaran dari sudut masa kerana komitmen-komitmen lain yang mendatang.

Apa ilmu baharu yang diperoleh ketika proses terjemah karya itu?

Ilmu dalam meringkaskan makna hadis yang panjang dan diterangkan dalam bahasa yang mudah. Inilah antara ciri-ciri yang ada dalam syarahan arbain (Hadis 40) Dr Ali Jum'ah.

Berapa lama proses terjemahan?

Bermula September 2023, kami adakan perbincangan dengan pihak IBDE, sehingga Mac 2024. Kemudian ada beberapa tempoh terberhenti seketika terjemahan atas sebab-sebab tertentu.

Apa pengajaran dalam karya ini yang boleh dijadikan iktibar kepada pembaca?

Kepentingan dalam memahami hadis-hadis

utama baginda Nabi SAW untuk dijadikan panduan hidup. Keluasan agama Islam dalam segenap aspek di samping dibatasi syariat Islam mengikut aturan Allah dan Rasul-Nya (dan) keperluan untuk mendalami hadis Nabi mengikut pemahaman para ulama yang muktabar.

Ada bab yang beri kesan emosi?

Hadis terakhir (hadis ke-42) hadis ini menerangkan luasnya pengampunan dan rahmat Allah. Walaupun ringkas, tetapi sangat membekas dalam diri.


Bahagian mana paling menarik dalam kitab ini?

Kesemuanya menarik. Namun, suka untuk saya sebutkan seperti yang disebutkan oleh Dr Ali Jum'ah bahawa hadis 1, 6 dan 12 dikira sebagai paksi utama dalam agama Islam.

Mengapa setiap rumah perlu ada kitab ini?


Kesemua 42 hadis di dalam Hadis 40 Imam Nawawi menggambarkan agama Islam secara keseluruhannya. Maka, ia sangat sesuai dijadikan sebagai asas dalam pembentukan muslim yang sejati. Jika isi rumah itu adalah sebuah keluarga.

Maka kita dapat membina sebuah keluarga yang tinggi kesedarannya dalam agama. Jika isi rumah itu adalah rakan-rakan, maka kita dapat membina lingkungan generasi yang faham agama dengan baik.



FESTIVAL TURATH ISLAMI SELANGOR

26 MEI - 2 JUN 2024



HARI PERTAMA 26 MEI 2024 (AHAD)

8.00 AM - 12.00 PM

Dewan Solat Utama, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

PERASMIAN FESTIVAL TURATH ISLAMI SELANGOR 2024

YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor

DAURAH HADIS 40 (SESI 1)

Al-Imam al-Allamah Prof Dr Ali Jum'ah

ULASAN DAURAH HADIS 40

Habib Ali Zaenal Abidin Al-Hamid

2.00 PM - 4.15 PM

Dewan Seminar, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

PEMBUKAAN PAMERAN AL-WAHYU

Dirasmikan oleh:
YB Tuan Dr Mohammad Fahmi Ngah, EXCO Agama Islam & Pembudayaan Inovasi

LAWATAN PAMERAN (TETAMU KHAS)

FORUM: TRADISI KEILMUAN ISLAM ALAM MELAYU

Panel:
1. Ustaz Muhamad Abdullah
2. Ts Dr Ros Mahwati Ahmad Zakaria
3. Ustaz Mohamad Aizuddin Abdul Aziz

4.30 PM - 6.00 PM

Dewan Solat Utama, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

DAURAH HADIS 40 (SESI 2)

Al-Imam al-Allamah Prof Dr Ali Jum'ah

7.00 PM - 10.00 PM

MARHABAN**
Kumpulan Marhaban Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

DAURAH HADIS 40 (SESI 3)

Al-Imam al-Allamah Prof Dr Ali Jum'ah

HARI KEDUA 27 MEI 2024 (ISNIN)

9.00 AM - 12.00 PM

Dewan Solat Utama, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

DAURAH HADIS 40 (SESI 4)

Al-Imam al-Allamah Prof Dr Ali Jum'ah

ULASAN DAURAH HADIS 40

Syeikh Mohd Nazrul Abd Nasir

2.00 PM - 4.00 PM

Dewan Seminar, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

LAWATAN BERSAMA KURATOR, PAMERAN AL-WAHYU

4.30 PM - 6.00 PM

Dewan Solat Utama, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

DAURAH HADIS 40 (SESI 5)

Al-Imam al-Allamah Prof Dr Ali Jum'ah

7.00 PM - 10.00 PM

QASIDAH**
Kumpulan al-Madad

DAURAH HADIS 40 (SESI 6)

Al-Imam al-Allamah Prof Dr Ali Jum'ah

HARI KETIGA 28 MEI 2024 (SELASA)

9.00 AM - 12.00 PM

Dewan Solat Utama, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

DAURAH HADIS 40 (SESI 7)

Al-Imam al-Allamah Prof Dr Ali Jum'ah

ULASAN DAURAH HADIS 40:

Syeikh Hairul Nizam Mat Husin

2.00 PM - 4.00 PM

Dewan Seminar, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

LAWATAN BERSAMA KURATOR, PAMERAN AL-WAHYU

4.30 PM - 6.00 PM

Dewan Solat Utama, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

DAURAH HADIS 40 (SESI 8)

Al-Imam al-Allamah Prof Dr Ali Jum'ah

7.00 PM - 10.00 PM

MAULID AL-DIYA' AL-LAMI' & QASIDAH**
Kumpulan Darul al-Murtadza

DAURAH HADIS 40 (SESI 9)

Al-Imam al-Allamah Prof Dr Ali Jum'ah

HARI KEEMPAT 29 MEI 2024 (RABU)

9.00 AM - 12.00 PM

Dewan Solat Utama, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

DAURAH HADIS 40 (SESI 10)

Al-Imam al-Allamah Prof Dr Ali Jum'ah

ULASAN DAURAH HADIS 40

Ustaz Ahmad Fauwaz Fadzil

2.00 PM - 4.00 PM

Dewan Seminar, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

LAWATAN BERSAMA KURATOR, PAMERAN AL-WAHYU

4.30 PM - 6.00 PM

Dewan Solat Utama, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

SYARAHAN UMUM:

Ustaz Muhadir Hj Joll
"Petua-petua Mendalami Ilmu Agama"

7.00 PM - 10.00 PM

KULIAH MAGHRIB**
Baba Hj Ghazali Ahmad Al-Fathoni
"Pengenalan kepada Riyadhu as-Salihin Imam Nawawi"

SYARAHAN PERDANA

Prof Dr KH Said Aqil Siradj
"Kepentingan Kitab Turath dalam Sejarah Nusantara dan Masakini"

HARI KELIMA 30 MEI 2024 (KHAMIS)

9.00 AM - 12.00 PM

Dewan Solat Utama Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

DAURAH HADIS 40 (SESI 11)

Al-Imam al-Allamah Prof Dr Ali Jum'ah

ULASAN DAURAH HADIS 40

Baba Hj Ghazali Ahmad Al-Fathoni

2.00 PM - 4.00 PM

Dewan Seminar, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

LAWATAN BERSAMA KURATOR, PAMERAN AL-WAHYU

4.30 PM - 6.00 PM

Dewan Solat Utama, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

DAURAH HADIS 40 (SESI 12)

Al-Imam al-Allamah Prof Dr Ali Jum'ah

7.00 PM - 10.00 PM

ULASAN DAURAH HADIS 40**
Dr Umar Muhammad Noor

KHATAM HADIS 40 & IJAZAH HADIS MUSALSAL

Al-Imam al-Allamah Prof Dr Ali Jum'ah

HARI KEENAM 31 MEI 2024 (JUMAAT)

6.00 AM - 7.30 AM

Dewan Solat Utama, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

KULIAH SUBUH & BACAAN HIZB NAWAWI

Ustaz Muhadir Hj Joll
"Kaedah & Faedah Wirid Imam Nawawi"

9.30 AM - 12.00 PM

SYARAHAN PERDANA**

Ustaz Dr Adi Hidayat
"Kehidupan Imam Nawawi sebagai Teladan buat Pencari Ilmu"

2.30 PM - 4.00 PM

Dewan Seminar, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

LAWATAN BERSAMA KURATOR, PAMERAN AL-WAHYU

4.30 PM - 6.00 PM

Dewan Solat Utama Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

SYARAHAN UMUM

Tengku Hj Faisal Ali, Mufti Aceh
"Pedoman Menjadi Orang Soleh"



Dengan Kerjasama

Dengan Sokongan

Rakan Media

Hotel Rasmi



HARI KETUJUH 1 JUN 2024 (SABTU)

6.00 AM - 7.45 AM

Dewan Solat Utama, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

KULIAH SUBUH

Ustaz Dr Adi Hidayat
"Tafsir Surah Ad-Dhuha"

9.00 AM - 12.30 PM

Dewan Orkid, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

SEMINAR PENGHAYATAN RIYADHU AS-SALIHIN (SESI 1)

"Peradaban Akhlak dari Riyadhu as-Salihin"

- Prof Dato' Dr Muhammad Nur Manuty
- Dr KH Marzuki Wahid

Moderator: Syeikh Mohd Nazrul Abd Nasir

2.00 PM - 4.00 PM

PERASMIAN: SEMINAR PENGHAYATAN RIYADHU AS-SALIHIN**

Perbualan khas: "Imam Nawawi & Riyadhu as-Salihin"

- YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia
- YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor
- Al-Imam al-Allamah Prof Dr Ali Jum'ah

Moderator: Dato' Prof Madya Dr Mohd Farid Ravi Abdullah

PELUNCURAN: TERJEMAHAN KITAB IHYA' ULUMUDDIN & HADIS 40

5.00 PM - 7.00 PM

SEMINAR PENGHAYATAN RIYADHU AS-SALIHIN (SESI 2)**

"Riyadhu as-Salihin dan pembentukan nilai masyarakat Muslim dalam sejarah"

- Prof Dr Habib Sayyed Abdul Hamid Ali Al-Mahdaly
- Ustaz Tarmizi Abdul Wahid

Moderator: Ustaz Ahmad Fauwaz Fadzil

8.00 PM - 11.00 PM

Dataran Karnival, Stadium Shah Alam

KONSERT ALUNAN MAHABBABH

[Konsert Terbuka]
Penampilan: Abu Shaar Bro & Al-Imam al-Allamah Prof Dr Ali Jum'ah



HARI KELAPAN 2 JUN 2024 (AHAD)

8.30 AM - 10.30 AM

Dewan Orkid, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

SEMINAR PENGHAYATAN RIYADHU AS-SALIHIN (SESI 3)

"Memfaatkan Riyadhu as-Salihin untuk mengatasi kemelut kerohanian Muslim moden"

- Habib Jindan Novel Salim Jindan
- Prof Emeritus Datuk Dr Osman Bakar

Moderator: Syeikh Hairul Nizam Mat Husin

10.45 AM - 12.45 AM

SEMINAR PENGHAYATAN RIYADHU AS-SALIHIN (SESI 4)**

"Peranan wanita dalam perspektif tradisi"

- Prof Dr Siti Rugayah Hj Tibek
- Dr Umar Muhammad Noor

Moderator: Prof Dr Sharifah Hayaati Syed Ismail

2.00 PM - 4.00 PM

SEMINAR PENGHAYATAN RIYADHU AS-SALIHIN (SESI 5)**

"Feqh Kenegaraan: Ibrah Nabawiah"

- Sahibus Samahah Dato' Setia Prof Madya Dr Hj Anhar Hj Opir
- Hj Ghazali Ahmad Al-Fathoni

Moderator: Marwan Bukhari

5.00 PM - 7.00 PM

Dewan Solat Utama, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

HIMPUNAN ILMUWAN MUDA TIMUR TENGAH (Bahasa Arab)

"Peranan Hakiki Ilmuwan Timur Tengah dalam Konteks Semasa"

Al-Imam al-Allamah Prof Dr Ali Jum'ah

Tetamu Kehormat:
YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor

8.00 PM - 11.00 PM

Dataran Karnival, Stadium Shah Alam

DARUL EHSAN BERSELAWAT & MAULID AKBAR

- Menampilkan:
Majelis Azzahir Pekalongan,
- Al-Imam al-Allamah Prof Dr Ali Jum'ah
- Habib Ali Zaenal Abidin Al-Hamid
- Habib Jindan Novel Salim Jindan

** majlis ini berlangsung di lokasi acara sebelumnya

Sebarang perubahan akhir atur cara di atas, sila rujuk portal www.turathislamiselangor.com atau Facebook Festival Turath Islami Selangor

Karya agung Imam al-Ghazali

Oleh NADIAH ZAMLUS

Dianggap karya teragung Imam al-Ghazali, Ihya Ulumuddin yang dikarang pada abad ke-12 masih memberi dampak besar pada kehidupan muslim sedunia sehingga kini.

Merangkumi 40 topik utama, adiknya itu diterjemah kepada bahasa Melayu dengan pembiayaan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menerusi projek Siri Warisan Islami Selangor.

Dijangka selesai sepenuhnya dalam dua tahun lagi, lima daripada 20 jilid terjemahan Ihya Ulumuddin akan dijual di Festival Turath Islami Selangor 2024 antara 26 Mei hingga 2 Jun ini.

Diterjemah menjelang festival turath 2023, kitab berkenaan dihasilkan Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE), penerbit lebih 70 karya penting dunia, termasuk enam kitab lain Imam al-Ghazali.

Penterjemah kitab ulama ulung itu Zahid M Naser dan Hilmi Marjunit, dua lulusan usuluddin universiti di Asia Barat, menjelaskan kepada Selangorkini pada 10 Mei isi-isi penting jilid pertama hingga kelima karya berkenaan.

Jilid 1 - Kitab Ilmu

Hilmi: Bagi jilid pertama, ada dua perkara yang sangat memberi kesan terhadap diri saya. Pertama, al-Ghazali membuatkan pembaca ingin menghayati al-Quran kerana inilah tunjang utama ilmu bagi umat Islam dan seterusnya beliau turut membawakan kisah tentang penghayatan ulama terdahulu terhadap al-Quran dalam kehidupan mereka serta cara al-Quran membentuk cara berfikir mereka.

Zahid: Dalam jilid pertama terjemahan ini, al-Ghazali memberikan kompas kepada pembaca bagaimana menanggapi ilmu pengetahuan. Beliau banyak membahaskan epistemologi ilmu, dan beberapa isu mengenainya sekali gus menjawab persoalan berbangkit.

Jilid 2 - Kitab Asas Akidah

Hilmi: Jilid ini mengandungi Kitab Asas Akidah, iaitu menerangkan iktikad penting yang wajib diyakini umat Islam secara ringkas dan tuntas. Dalam kitab ini, Imam al-Ghazali turut menjelaskan beberapa tingkatan akidah berdasarkan tahap pemahaman umat dan kaedah pengajarannya agar dapat dicerap dan terpasak kukuh di dada setiap muslim.

Zahid: Ya, ia mengandungi perbincangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan iktikad-iktikad penting muslim berkenaan ketuhanan (ilahiyat), kenabian (nubuwwat) dan perkara ghaib iaitu sami'yyat.

Jilid 3 - Kitab Hikmah Bersuci dan Sembahyang

Hilmi: Jilid ketiga ini terkandung Kitab Hikmah Bersuci dan Kitab Hikmah Sembahyang. Menerusinya ia menjelaskan kepentingan dan wajibnya menyucikan diri sebagai lanjutan daripada kemurnian akal dan jiwa sebelumnya.

Dalam kitab ini, Imam al-Ghazali menerangkan keperluan untuk membersihkan. Kerana ia syarat bagi mendirikan sembahyang kerana sembahyang merupakan ibadah pertama yang akan dihitungkan pada hari akhirat kelak.

Zahid: Menariknya tentang jilid ketiga ini ia

TERJEMAHAN KITAB AL-GHAZALI

- Ilmu Kalam: Tegahan Buat Orang Awam
- Ciri Pemisah Antara Islam dan Zindik
- Al-Mustasfa: Intipati Ilmu Usul Fiqh
- Perihal Kesederhanaan Dalam Beriktikad
- Penyelamat Daripada Kesesatan
- Ramuan Kebahagiaan

membincangkan perbincangan mengenai ibadah kita. Berkait tatakara menyucikan diri daripada najis dan tertib mengangkat hadas. Kupasan tentang adab yang zahir dan batin berkenaan perkara ini juga turut dibentangkan. Selepas itu, perbincangan mengenai sembahyang pula dibentangkan, di sini persoalan tentang ikhlas dan khusyuk dikupas pengarang secara terperinci.

Jilid 4 - Kitab Hikmah Zakat, Puasa dan Haji

Hilmi: Mengandungi Kitab Hikmah Zakat, Kitab Hikmah Puasa dan Kitab Hikmah Haji. Pembaca boleh tahu mengenai penjelasan perkara-perkara zahir ibadah iaitu rukun, syarat wajib, syarat sah dan lain-lain.

Bagaimanapun, Imam al-Ghazali turut membawakan kelainan dengan memperincikan secara tuntas amalan-amalan hati yang perlu dilakukan ketika melaksanakan tiga rukun Islam tersebut. Petua dalam kitab ini juga bukan sahaja dapat menjadi panduan beribadah bahkan menjadi pedoman untuk mencapai keikhlasan sempurna.

Zahid: Pembaca boleh mengetahui tentang perbincangan fekah dalam jilid ini, mengenai tiga rukun Islam dan tertib-tertib melaksanakannya. Juga perbincangan mengenai hikmah dan rahsia daripada perincian setiap gerak perbuatan ketiga-tiga ibadah itu.






Jilid 5 - Kitab Adab Membaca al-Quran, Zikir dan Wirid Harian

Hilmi: Dalam jilid ini, ada Kitab Adab Membaca al-Quran, Kitab Zikir dan Kitab Wirid Harian. Menerusinya ia jelaskan kedudukan al-Quran, zikir dan doa selaku ibadah lisan serta adab-adab mengerjakannya. Al-Ghazali turut mengajarkan para pembaca tentang beberapa doa yang warid dalam al-Quran dan daripada Rasulullah SAW. Juga para sahabat dan para tabiin agar kepelbagaian doa ini dapat mengelakkan seseorang daripada dirundung rasa bosan dalam berdoa.

Sementara itu, wirid harian yang dimaksudkan dalam Ihya Ulumuddin pula merujuk kepada jadual ibadah harian yang meliputi ibadah mana-mana anggota badan termasuklah lisan.

Memandangkan keadaan dan kelapangan masa setiap individu berbeza, maka Imam al-Ghazali membahagikan manusia yang ingin menelusuri jalan akhirat kepada enam golongan utama agar semua orang berpeluang mendekati diri kepada Allah dengan pelbagai cara.

Zahid: Jilid terakhir ini mengandungi perbincangan berkaitan adab membaca al-Quran, zikir yang menjadi amalan generasi salaf dan perincian mengenai wirid (rutin) amalan pada siang hari dan pada waktu malam.



'Mickey' cepat pulih

Oleh NAZLI IBRAHIM

Serangan asid terhadap pemain kebangsaan Faisal Halim oleh dua individu tidak dikenali pada 5 Mei menggemparkan negara, khususnya peminat bola sepak tanah air.

Tonggak Selangor FC berumur 26 tahun itu dicurahkan asid sulfurik pekat pada petang hari kejadian selepas bersama isteri dan anak serta dua rakannya ke pusat beli-belah di Petaling Jaya.

Sebelum diserang, beliau membuat bayaran tempat letak kereta dan berjalan berseorangan ke arah kenderaannya kira-kira 50 meter dari pintu masuk pusat beli-belah tersebut.

Ketika anak jati Pulau Pinang itu membuka pintu kereta pelbagai guna dan duduk di tempat pemandu, beliau didatangi dua individu yang menunggang motosikal.

Penunggang motosikal sempat menegur Faisal dengan mengucapkan selamat maju jaya sebelum menyimbah asid. Suspek dikatakan berpatah balik mengambil botol asid yang terjatuh.

Faisal mengerang kesakitan. Dua rakan dan isterinya kemudian datang memberi bantuan dan membawanya ke sebuah hospital swasta di Shah Alam.

Tiga hari sebelumnya, pemain Terengganu FC Akhyar Rashid diserang dalam kejadian samun di kondominium di Kuala Terengganu ketika pulang makan malam.

Pada malam 7 Mei, pemain tengah Johor Darul Ta'zim (JDT), Safiq Rahim pula menjadi mangsa serangan dua individu tidak dikenali berhampiran pusat latihan kelab itu di Seri Gelam, Johor Bahru.

Dalam insiden membabitkan ketiga-tiga pemain kebangsaan, keadaan Faisal paling teruk sehingga dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU).

Timbalan Presiden Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS), Datuk Seri Shahril Mokhtar mengesahkan Faisal mengalami kelecuman tahap empat yang menjejaskan lapisan kulit sehingga melibatkan otot dan tulang.

Pemain sayap yang digelar 'Mickey' terpaksa menjalani pembedahan pada 5 Mei, 7 Mei dan terbaharu pada 9 Mei yang menumpukan prosedur tampalan kulit.

Menurut Shahril, doktor menganggap Faisal 'istimewa' berikutan kecederaannya menunjukkan pemulihan cepat meski menjalani



tiga pembedahan. Beliau juga tidak menolak kemungkinan tonggak Red Giants itu pulang ke rumahnya pertengahan Jun.

Tanggung kos rawatan

Insiden itu mendapat perhatian Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah sebagai Pengerusi Selangor FC.

Sultan Sharafuddin mengesakan sekeras-kerasnya serangan tersebut dan mahu polis menyiasat ke akar umbi serta mencari punca sehingga pelakunya ditangkap segera.

Tengku Amir pula mencemar duli melawat Faisal yang menerima rawatan, malah Baginda menzahirkan kesediaan menanggung kos rawatan dan perubatan pemain itu.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari juga mengesakan tindakan tidak berperikemanusiaan terhadap Faisal dan menggesa pihak berkuasa membuat siasatan menyeluruh terhadap kes membabitkan Faisal dan Akhyar.

Polis menahan lelaki berusia 20-an di Pandan Indah, Ampang Jaya dan seorang lagi lelaki berumur 30-an di Bandar Baru Bangi, Kajang sebelum dibebaskan selepas memberi keterangan.

Ketua Polis Negara Tan Sri Razarudin Husain dilapor berkata pada 11 Mei, polis dalam proses menghasilkan fotofit suspek.

Lakaran itu berdasarkan bantuan saksi dan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi kejadian. Polis juga merakam keterangan lebih 12 individu.

Sebagai tanda simpati dan kebersamaan, Selangor FC memasang beberapa papan iklan besar bertulis 'Stand with Faisal Halim, Stop The Violence' selama sebulan sekitar negeri ini. Peminat juga berbuat demikian di lokasi lain.

DYTM Raja Muda Selangor juga berkenan berangkat ke Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat untuk Faisal di Masjid Sultan Abdul Samad, Sepang pada 10 Mei.

Turut mengiringi Tengku Amir Shah ialah EXCO Sukan Najwan Halimi dan Ketua Pegawai Eksekutif Selangor FC Dr Johan Kamal Hamidon.

Majlis doa selamat memohon kesihatan serta kesejahteraan pemain sayap kiri Selangor FC itu dipimpin Imam Besar Masjid Negeri Muhammad Farhan Wijaya.

Kejadian menimpa penjaring gol tercantik Piala Asia 2023 itu turut mendapat perhatian pemain bola sepak antarabangsa.


Dua bintang Manchester United, Andre Onana dan Alejandro Garnacho bersimpati dan mendoakan kesembuhan dan kesejahteraan Faisal.

"Kepada Faisal, kami mengetahui apa yang berlaku dan merasai (penderitaan) kamu. Kami tahu bahawa sekarang ini adalah situasi cukup sukar untuk kamu dan juga keluarga.

"Kami berharap yang terbaik untuk kamu, sentiasa kuat kerana kami sentiasa bersama kamu," kata Onana menerusi temu bual khas bersama Stadium Astro pada 11 Mei.

Setakat 14 Mei, pemain itu dipindah ke wad biasa selepas sembilan hari ditempatkan di ICU. Mengikut Shahril, butir percakapan Faisal juga semakin jelas, malah selera makan pemain itu bertambah.

EMPAT TAHAP KULIT MELECUR



Oleh **NAZLI IBRAHIM**

Nama Mohamad Faisal Abdul Halim atau lebih dikenali Faisal Halim kian meniti di bibir peminat bola sepak negara dengan kelincuhan atas padang dan gaya 'siu' ketika meraikan jaringan yang diinspirasi bintang bola sepak Portugal, Cristiano Ronaldo.

Meski bertubuh kecil, aksi pemain kelahiran Seberang Perai, Pulau Pinang itu sentiasa meresahkan pertahanan lawan setiap kali serangan dimulakan dari sayap kiri.

Berusia 26 tahun, bakat pemain sinonim dengan panggilan Mickey itu dicungkil sejak bangku sekolah lagi menerusi program realiti Soccer Kids musim ketiga pada 2010 dan Mencari Ramli empat tahun kemudian.

Dengan keazaman dan kesungguhan untuk bermain di peringkat tertinggi, Faisal muncul antara pelatih terbaik program realiti berkenaan, membolehkan beliau merasai pengalaman berlatih bersama pemain Manchester United di Old Trafford dan Akademi Tottenham Hotspur di United Kingdom.

Bakatnya terus menyinar selepas terpilih menyertai skuad belia Pulau Pinang seawal usia 16 tahun pada 2014. Bertitik tolak itu, Faisal diserap ke pasukan utama Harimau Kumbang untuk beraksi di Liga Super setahun kemudian ketika berusia 17 tahun.

Corak permainan Faisal yang dinamik dan kepantasan lariannya memikat pengurusan Pahang (kini Sri Pahang FC). Peluang yang diberi sejak 2016 dimanfaatkan sebaik mungkin dan hasilnya beliau membantu skuad Tok Gajah menjulang Piala FA pada 2018.

Lima tahun bersama pasukan tersebut, Faisal merekod sepuluh jaringan dan empat bantuan gol dalam 79 penampilan.

Mahukan angin perubahan, beliau menyertai satu lagi pasukan dari Pantai Timur iaitu Terengganu dengan kontrak dua tahun pada 2020.

Di bawah bimbingan Nafuzi Zain ketika itu, Faisal terus menyerlah dan berjaya

Sinar bintang Faisal Halim



Foto Facebook Selangor FC

menjaringkan gol pertama dalam kancuh Liga Super ketika membantu Terengganu menewaskan Perak 2-0 di Stadium Ipoh pada 2021.

Di Terengganu namanya terus melonjak selepas kejayaan menghasilkan 27 jaringan dan 42 bantuan gol dalam 101 perlawanan serta membantu pasukan muncul naib juara Liga Super dan Piala FA pada 2022.

Menjelang musim 2023, Faisal diumumkan tonggak baharu Selangor FC pada 22 Disember 2022.

Perpindahan itu turut melonjakkan nilai pasarnya daripada RM1.78 juta (Oktober 2022) kepada RM2.22 juta pada Mei 2023, menurut portal data pemain dan pasukan yang berpangkalan di Jerman, Transfermarkt.com

Nilai terkini Faisal setakat 18 Disember tahun lalu mencecah RM2.37 juta dan menjadikan beliau antara pemain tempatan paling bernilai tinggi.

Beliau turut muncul antara pemain tempatan yang menyerlah apabila meledak 13 gol dan melakar 11 bantuan gol dalam 28 penampilan pada musim pertamanya bersama Red Giants.

Faisal turut berkongsi gelaran penjaring gol terbanyak Liga Super bagi kategori pemain tempatan bersama tonggak Johor Darul Ta'zim Arif Aiman Hanapi dengan 12 gol.

Demi negara

Faisal sebahagian pemain skuad Harimau Muda bawah 19 tahun pada 2016. Beliau membuat penampilan pertama bersama pasukan senior ketika menentang Nepal pada Jun 2019.

Dalam kalangan peminat bola sepak tempatan, Faisal dianggap antara pemain memiliki semangat patriotik tinggi dan tidak pernah menolak panggilan menyertai kem latihan pusat Harimau Malaya.

Sikap itu ditonjolkan ketika

beliau turut membawa cabaran skuad kebangsaan dalam Piala AFF Mitsubishi Electric 2022 pada saat kebanyakan pemain utama lain enggan menyertai kem latihan kerana kejohanan itu di luar kalendar Persekutuan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (Fifa).

Dalam kejohanan tersebut, Faisal yang kali pertama diberi tanggungjawab sebagai ketua pasukan turut tersenarai dalam kesebelasan utama terbaik kejohanan dengan menjaringkan empat gol.

Bersama Harimau Malaya, pemain sayap kiri itu meledak jaringan 15 kali dan tujuh bantuan gol dalam 34 penampilan.

Kemuncak persembahannya diteruskan dalam Piala Asia 2023 Qatar apabila jaringannya ketika menentang Korea Selatan dinobatkan sebagai gol terbaik kejohanan.

Ketua pengarang:
Fazallah Pit
fazallah@mediaselangor.com

Pengarang berita:
Afeeqa Afeera Abdul Rasol
afeeqa@mediaselangor.com

Penolong pengarang akhbar:
Afix Redzuan
Faridzwan Abdul Ghafar

Pemangku ketua wartawan:
Nadiah Zamlus
sitinadiah@mediaselangor.com

Jurufoto kanan:
Ahmad Zakki Jilan, Hafiz Othman

Ketua artis grafik:
Azwa Malek

Editorial: info@mediaselangor.com
Iklan: sales@mediaselangor.com
Pemasaran: marketing@mediaselangor.com

SelangorTV:
Marniza Othman
marniza@mediaselangor.com
Ameen Azizul
ameen@mediaselangor.com

Pemasaran dan Pengiklanan:
Suziana Zulkifli
suziana@mediaselangor.com

Pengedaran:
Adzhar Maludin
adzharimaludin@mediaselangor.com



MediaSelangor

Media Selangor Sdn Bhd,
Aras 11 Menara Bank Rakyat,
No 1 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5523 4856 Fax: 03-5523 6856



Anwar merasmikan kampus luar pesisir UKM Qatar di Doha pada 14 Mei ketika mengadakan lawatan rasmi tiga hari ke negara itu. Foto Facebook Anwar Ibrahim

PM rasmi kampus UKM di Qatar

SHAH ALAM - Pembukaan kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Doha, Qatar pada 14 Mei meletak status pengajian tinggi negara di pentas antarabangsa, kata perdana menteri.

Menyifatkan peristiwa tersebut bersejarah, Datuk Seri Anwar Ibrahim berharap langkah sedemikian membuka jalan kepada universiti awam lain untuk mengorak langkah sama.

Beliau yang dalam lawatan tiga hari ke Qatar mulai 13 Mei turut mengucapkan tahniah kepada Naib Canselor UKM Prof Datuk Dr Mohd Ekwan Toriman.

Tahun lalu, Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata kampus itu menawarkan empat program peringkat prasiswazah dan pascasiswazah secara pesisir (offshore).

Kampus itu hasil kerjasama UKM dan The Regional Group of Qatar, syarikat yang menguruskan bidang pembangunan hartanah, pengurusan aset, pertanian dan pelaburan Islam.

Anggaran SPRM dalam lima tahun

Hilang RM277 bilion akibat rasuah

SHAH ALAM - Malaysia kerugian kira-kira RM277 bilion akibat jenayah rasuah dalam tempoh lima tahun lepas, kata ketua pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Tan Sri Azam Baki memberitahu kerugian tersebut berdasarkan anggaran kumulatif Keluaran Dalam Negara Kasar antara 2018 hingga 2023, lapor Bernama.

"Angka yang cukup besar ini sewajarnya boleh dimanfaatkan untuk membantu rakyat dalam pelbagai aspek terutamanya pelaksanaan projek sosial seperti baik pulih hospital dan sekolah.

"Malangnya, nilai ini (RM277 bilion)

tiris akibat rasuah," katanya dalam majlis pelancaran Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional 2024 hingga 2028 di Putrajaya pada 7 Mei.

Program berkenaan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi menggantikan Pelan Antirasuah Nasional 2019 hingga 2023 sebagai agenda reformasi bagi mencegah rasuah.

Beliau berkata negara tidak boleh diselamatkan dan nasib rakyat tidak terbela jika penguasa, penjawat awam dan penguat kuasa memunggang kekayaan serta mentadbir mengikut hukum rimba.

Katanya, usaha membasmi kemis-

kinan termasuk membela nasib nelayan dan petani selain membina kemudahan awam antaranya sekolah dan hospital boleh dilakukan jika gejala rasuah dibendung.

"Semua boleh dibereskan jika dapat menyelamatkan negara daripada kerakusan, tamak haloba orang guna kuasa, kedudukan sama ada pimpinan politik atau penjawat awam atau swasta," katanya.

Mengakui ada cubaan menggagalkan usaha SPRM, Anwar percaya rakyat membenci rasuah tetapi ada segelintir pihak yang mempertahankan gejala itu terutama golongan berpengaruh dan berdarjat.

Jana potensi eksport RM700 juta

SHAH ALAM - Lawatan singkat Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Qatar menjana potensi eksport barangan dan perkhidmatan bernilai kira-kira RM700 juta.

Menteri pelaburan, perdagangan dan industri berkata komitmen tersebut hasil pertemuan Anwar dengan pemimpin utama industri Qatar dalam mesyuarat meja bulat perniagaan pada 14 Mei.

Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz memberitahu komitmen tersebut menunjukkan keyakinan syarikat Qatar terhadap produk dan perkhidmatan

Malaysia, lapor Bernama.

"Kita lihat potensi Asia Barat yang merupakan pasaran besar buat Malaysia yang kita boleh teroka," katanya selepas jamuan perdana menteri bersama sekitar 500 rakyat Malaysia di Doha. Anwar mengadakan lawatan rasmi tiga hari mulai 13 Mei ke Qatar.

Seramai 45 pemimpin industri daripada 36 syarikat hadir mesyuarat meja bulat. Mereka dari pelbagai sektor antaranya pemprosesan makanan, farmaseutikal, hartanah, pendidikan dan kesihatan dan ekonomi digital.

Dalam dialog meja bulat itu, Anwar

yang juga menteri kewangan mengulangi komitmen Malaysia untuk memperkukuh hubungan dua hala dengan Qatar khususnya dalam perdagangan dan pelaburan.

Pelabur dan pengimport juga menyatakan penghargaan mereka atas usaha Malaysia dalam mewujudkan persekitaran yang memudahkan pelaburan dan pertumbuhan perniagaan.

Beliau menerangkan kelebihan Malaysia antaranya sistem prasarana yang kukuh, tenaga kerja mahir dan boleh dilatih, ekosistem perniagaan yang rancak dan keluhuran undang-undang.

Desak Israel bebas tahanan Palestin

KUALA LUMPUR - Malaysia mendesak Israel supaya menghentikan pembunuhan rakyat Palestin, membebaskan semua tahanan rakyat Palestin dan bersetuju dengan pelan perdamaian.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan pendirian itu semasa bertemu rombongan Hamas diketuai pimpinan utama Ismail Haniyeh dan bekas pengerusinya Khaled Mashal di Qatar.

Katanya, Malaysia terus memainkan peranan pada peringkat antarabangsa demi menghentikan serangan ke atas Rafah selain membantu mangsa dari segi bantuan kemanusiaan, perubatan dan pendidikan.

"Sejak konflik meletus lapan bulan lalu, ratusan ribu rakyat Palestin terkorban dan cedera, separuh dari bumi Gaza dilanda kemusnahan kekal kerana kekejaman rejim Zionis," katanya.

Kurang hujan, ribut petir awal pagi

SHAH ALAM - Monsun Barat Daya mulai 17 Mei dijangka berterusan hingga September, menyebabkan kebanyakan tempat di seluruh negara mengalami bilangan hari hujan berkurangan.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Muhammad Helmi Abdullah berkata angin bertiup konsisten dari arah barat daya dengan kelembapan udara lebih rendah.

"Ini menyebabkan kurangnya pembentukan awan hujan yang membawa kepada taburan hujan lebih rendah dalam tempoh berkenaan," katanya seperti dilapor Bernama.

Katanya hujan lebat berserta angin kencang dan petir boleh berlaku di pantai barat Semenanjung, utara Sarawak dan barat Sabah terutama awal pagi.

Lindungi bayi dari batuk kokol

SHAH ALAM - Pemberian vaksin kombinasi difteria-tetanus-pertussis (D-TaP) kepada ibu hamil dijadual bermula hujung tahun ini, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Beliau memberitahu pemberian vaksin itu yang diluluskan kerajaan bertujuan melindungi bayi baharu lahir daripada jangkitan penyakit pertussis atau batuk kokol, lapor Bernama.

"Vaksin ini diberi percuma bawah program Imunisasi Kebangsaan Malaysia (NIP)," katanya selepas sambutan Hari Imunisasi Kebangsaan dan Sidang Kemuncak Imunisasi Kebangsaan di Putrajaya pada 13 Mei.

Umum keputusan SPM 27 Mei

SHAH ALAM - Keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 boleh diketahui mulai 27 Mei, kata Kementerian Pendidikan.

Menurut kenyataan, keputusan itu boleh diambil di sekolah masing-masing mulai jam 10 pagi manakala slip keputusan calon persendirian pula dihantar melalui pos, lapor Bernama.

Semakan juga boleh dibuat dalam talian menerusi pautan myresultspm.moe.gov.my bagi memperoleh slip pencapaian SPM mulai 10 pagi antara 27 Mei hingga pukul 6 petang pada 2 Jun.

Ringkasan keputusan boleh disemak melalui sistem pesanan ringkas (SMS) dengan menaip SPM, nombor kad pengenalan diikuti angka giliran sebelum hantar ke 15888 dalam tempoh sama.

Talian ibadat bantu jemaah haji

SHAH ALAM - Talian ibadat yang diperkenalkan Lembaga Tabung Haji (TH) memudahkan orang ramai termasuk jemaah haji di Makkah menyalur pertanyaan berkaitan ibadah berkenaan.

Menurut Pengarah Operasi Bimbingan Haji Tanah Suci TH Shahrin Awaludin, pasukan seramai 40 pembimbing termasuk guru agama dan kaunselor menjawab persoalan berkaitan, lapor Bernama.

Beliau juga memberi jaminan setia ap pertanyaan dijawab dalam tempoh

kurang lima minit atau paling lama 24 jam jika melibatkan persoalan rumit berikutan TH merujuk pandangan pakar.

"Pasukan ini turut dibantu tiga pakar rujuk yang juga ahli jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji, malah seorang daripadanya Mufti Selangor Dato' Setia Prof Madya Dr Anhar Opir," katanya.

Menyatakan isu yang kerap membangkitkan antaranya larangan ihram dan fikah wanita, Shahrin memberitahu

pertanyaan boleh disalurkan melalui perkhidmatan e-Taib dalam aplikasi THhujaj.

Beliau berkata 8,115 pertanyaan berkaitan ibadat diterima setakat 14 Mei sejak TH memperkenalkan kemudahan itu pada tahun lepas berbanding kaedah bersemuka dengan pembimbing sebelum ini.

"Ini banyak membantu jemaah untuk tidak lagi beratur panjang ketika berjumpa dengan guru agama," katanya lagi.

Lokasi strategik di ibu negara

50 ekar jadi tanah rizab Melayu

Oleh **SOFIA NASIR**

HULU SELANGOR - Pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menetapkan 50 ekar daripada Bandar Malaysia sebagai tanah rizab Melayu membuktikan nasib orang Melayu terbela.

Presiden Parti Amanah Negara (Amanah) Datuk Seri Mohamad Sabu menegaskan keputusan itu sekali gus menangkis dakwaan pembangkang kononnya Kerajaan Perpaduan me-

minggirkan masyarakat Melayu.

"Mereka (pembangkang) cakap kita tidak bela Melayu. Ramai tidak tahu, di tanah bekas lapangan terbang Sungai Besi, perdana menteri minta peruntukan 50 ekar tanah rizab Melayu," katanya.

Beliau yang juga menteri pertanian dan keterjaminan makanan berucap depan ratusan hadirin ceramah Mega Perpaduan di Bandar Utama Batang Kali di sini pada 4 Mei.

Dalam Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB 2024) pada 29 Februari, Anwar dalam ucapannya memutuskan sebahagian daripada pemilikan tanah di Bandar Malaysia dijadikan rizab Melayu. "Saya putuskan sebahagian tanah di

Bandar Malaysia, 50 ekar kekal dimiliki orang Melayu sebagai tanah rizab. Di pusat bandar yang strategik, kita tetapkan kawasan milik Melayu.

"Dengan maksud dalam tempoh setahun, jumlah ini dan kawasan strategik bandar baharu ditambah menjadi 200 ekar tanah kerajaan yang dijadikan milik rizab Melayu di bandar," Anwar dipetik.

Projek Bandar Malaysia di tapak lapangan terbang lama Pangkalan Udara Kuala Lumpur di Sungai Besi dirancang sejak 2017 membabitkan anggaran nilai pembangunan kasar RM140 bilion.

Membabitkan kawasan seluas 197 hektar, pembangunan tersebut menggunakan model pembangunan perkongsian awam-swasta bagi menjayakan pembangunan bercampur berorientasi transit.



Tubuh pusat simulator

SHAH ALAM - Pengeluar pesawat Airbus merancang untuk melabur dalam simulator penerbangan helikopter ketiganya di Subang dengan operasi berkenaan dijangka bermula menjelang 2026.

Ketua Wakil Malaysia Burhanudin Noordin Ali berkata simulator itu digunakan untuk helikopter H175 berbanding dua simulator sebelumnya iaitu helikopter H225 serta AS365, lapor Bernama.

Pusat Simulasi Airbus Helicopters Malaysia hasil usaha sama dengan Boustead Heavy Industries Corporation, terletak di Subang.

Beliau ditemui media sempena Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2024 pada 6 Mei.


Dalam kenyataan, Airbus yang memi-

liki lebih 800 kakitangan di Malaysia menyatakan Malaysia pasaran penting untuk helikopter tentera, pertahanan dan perniagaan angkasa lepas.

"Airbus telah membangunkan kerjasama industri yang meluas serta kukuh yang telah membawa pelbagai manfaat kepada ekonomi penduduk tempatan," kata syarikat tersebut.

Mahu menggiatkan lagi pelaburan sedia ada dalam ekosistem tempatan, Airbus percaya permintaan serantau berupaya meningkatkan keupayaan termasuk pembaharuan pengangkutan ketenteraan.

"Kami berada pada kedudukan yang baik untuk menawarkan Malaysia armada gabungan A400M-C295 yang mantap bagi menyokong keperluan strategik dan taktikal negara," kata kenyataan lagi.



KERAJAAN NEGERI SELANGOR
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN	NOMBOR TENDER TAJUK PROJEK	TARAF	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	HARGA DOKUMEN	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP
Bhg. Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor	JPS/N/SEL/ MK/3/2024 KERJA-KERJA MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL DI RUMAH PAM BAGAN TERAP DAERAH SABAK BERNAM UNTUK JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR (TAWARAN SEMULA)	Bumiputera	Berdaftar Dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan. Gred: G4 Kategori: ME Penghususan: E04 atau E11 dan M15 Kontraktor juga hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS)	Pembelian dokumen tawaran secara Online di laman web https://tender.selangor.my/ . Syarikat dikehendaki melampirkan salinan resit asal bayaran. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. 27th Mei 2024 hingga 17th Jun 2024	RM 100.00 Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (Bayaran Secara Online)	Peti Tender, Bhg. Ukur Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tkt. 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor 20th Jun 2024 (Khamis) Jam 12.00 tengahari

Pada **23rd Mei 2024 (KHAMIS)** (Khamis) Jam **10.00 pagi**
Tempat Berkumpul : **Pejabat Mekanikal & Stor Parit 1 Timur, JPS Daerah Sabak Bernam**

Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** kepada **PENAMA** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKU atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Hanya penama di Sijil Aduan pendaftaran syarikat yang boleh menghadiri taklimat. Syarikat **TIDAK BOLEH** mewakili pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, BPKU, PUKONSA atau Sijil Aduan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat berkenaan pada waktu **9.00 pagi** hingga **3.30 petang** sahaja. Salinan resit pembelian hendaklah dilampirkan semasa pengambilan dokumen tender. Sila patuhi SOP yang telah ditetapkan semasa proses pengambilan dokumen tender.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa **SJIL ASAL PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN, PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR/KEMENTERIAN KEWANGAN DAN PENDAFTARAN UPENS SERTA SIJIL TARAF BUMIPUTERA PPK** jika berkenaan dan satu **SALINAN** bagi sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.

Petender boleh menyemak Jadual Tender yang akan dipaparkan di dalam website Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor selawat-lewatnya Tujuh (7) hari dari tarikh tutup tender.



CERIA... Datuk Bandar Ir Cheremi Tarman (kanan) menyampaikan hadiah cabutan bertuah sempena Valuers Fun Run 2024 dalam program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan di Dataran Kemerdekaan pada 12 Mei. Turut hadir Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta Abdul Razak Yusak (tiga dari kiri). Foto Majlis Bandaraya Shah Alam

Atasi banjir 79 lokasi

Bina lima tebatan banjir tiga daerah

SHAH ALAM - Sebanyak RM1.69 bilion disalurkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor bagi membiayai lima projek tebatan banjir di Klang, Petaling dan Sepang.

Pengarah JPS Selangor Nasser Salim memberitahu projek mengukuh dan menstabilkan tebing, menaik taraf saluran dan berkaitan fenomena air pasang besar juga diadakan, lapor Bernama.

Beliau menjelaskan Selangor juga menambah dana yang disediakan peringkat persekutuan itu bagi mengatasi masalah meliputi 79 lokasi

kerap banjir dan 354 kawasan berisiko di negeri ini.

"Kerajaan Negeri turut menyalur peruntukan kepada JPS Selangor untuk melaksanakan projek jangka masa sederhana dan pendek yang akan memberi penyelesaian secara setempat," katanya.

Nasser berkata JPS Selangor juga membuat pemantauan bagi memastikan sistem perparitan berfungsi baik selain menjalankan kerja baik pulih saluran berdasarkan aduan.

Beliau menambah, pihaknya juga membekal 124 rumah pam dan 123

unit pam air bergerak bagi mempercepat aliran air keluar ke sungai dan laut sekali gus mengelak situasi air bergenang.

Menurut Nasser, beberapa sistem amaran banjir dibangunkan termasuk siren dan maklumat melalui sistem pesanan ringkas SMS untuk memberi amaran kepada penduduk jika banjir.

"JPS Selangor juga menjalankan kerja penyelenggaraan secara berkala tahunan untuk memastikan kapasiti saluran berada pada tahap optimum sebelum musim Monsun Timur Laut," katanya.

61,080 serum penghalau nyamuk

SHAH ALAM - KAO Malaysia Sdn Bhd, syarikat kimia dan kosmetik berpangkalan di Jepun, menyumbang 61,080 unit serum penghalau nyamuk bernilai RM971,172 bagi menangani kes denggi.

Menyambut baik usaha sedemikian, EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin berkata kerjasama pelbagai pihak termasuk KAO Malaysia membantu Kerajaan Selangor mencegah penularan wabak itu.

"Saya berharap kita dapat mewujudkan

kan masyarakat setempat yang lebih peka terhadap kesihatan awam dan kebersihan persekitaran agar pembiakan nyamuk Aedes dapat dikawal.

"Semoga usaha ini dapat memberi kesan yang positif kepada rakyat seterusnya menjadi pemangkin kepada usaha untuk mewujudkan negeri yang bebas denggi pada masa hadapan," katanya.

Sumbangan itu diserahkan Naib Presiden (Kesihatan dan Penjagaan Ke-

cantikan) KAO Corporation, Mitsutoshi Kamiya dalam Majlis Jalinan Kerjasama di bangunan pentadbiran negeri di sini pada 9 Mei.

Mitsutoshi pula menjelaskan serum berkenaan akan diagih dalam program dan kempen pencegahan denggi anjuran Kerajaan Selangor mulai Julai.

"Selain kempen pencegahan, serum penghalau nyamuk ini juga akan diagih dalam program gotong-royong di sekolah-sekolah terpilih," katanya.

Sambutan hari tanpa kenderaan meriah

SHAH ALAM - Lebih 1,000 peserta memeriahkan Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sempena sambutan Aidilfitri di Dataran Kemerdekaan di sini.

Pengarah Korporat dan Perhubungan Awamnya berkata pelbagai acara diadakan pada 12 Mei antaranya kayuhan berbau kebangsaan, larian, pertandingan penyediaan juadah dan jualan kraftangan.

"Program ini antara inisiatif MBSA untuk menggalakkan penyertaan penduduk Shah Alam melalui kegiatan kebajikan dan amal selain mengedar barangan keperluan percuma kepada orang ramai.

"Program ini juga sejajar dengan elemen Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) iaitu Tiada Kemiskinan (SDG 1) dan Komuniti dan Bandar Mampan (SGD 11)," kata Mohd Azhar Mohd Sharif.

Sasar sifar kusta menjelang 2030

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan menyoal sifar kes kusta menjelang 2030 dengan meningkatkan rawatan kepada kontak rapat dan kelompok berisiko, kata Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Beliau percaya penyakit tersebut boleh sembuh jika pesakit mematuhi jadual rawatan selain pengambilan anti-Tibi setiap hari sekurang-kurangnya enam bulan, lapor Bernama.

Berucap dalam sambutan Hari Malaria, Tibi dan Kusta Sedunia peringkat kebangsaan, beliau berkata kumulatif takat minggu epidemiologi ke-18 iaitu 4 Mei mencatat 66 kes di seluruh negara.

"Usaha mengesan dan merawat awal kes kusta secara bersasar di lapangan perlu dipertingkatkan bagi mencapai sasaran sifar kes kusta tempatan baharu," katanya di Kota Kinabalu, Sabah pada 12 Mei.

Segera hantar laporan, elak denda

SHAH ALAM - Pemaju dan badan penguurusan bersama (JMB) pangsapuri diminta menghantar dokumen mesyuarat agung tahunan atau luar biasa dalam tempoh 28 hari dari tarikh mesyuarat selesai.

Menurut Bahagian Perhubungan Awam dan Sekretariat Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), 116 dokumen lewat difail melalui Sistem Odesi e-COB skep.lphs.gov.my/mpaj pada tahun lalu.

MPAJ juga memaklumkan pihaknya telah menghantar pemakluman kepada semua pemaju dan JMB supaya mematuhi tempoh penghantaran dokumen berkenaan atau berdepan denda.

"Bermula 1 Mei, caj sebanyak RM5 dikenakan bagi setiap hari yang lewat," katanya dalam kenyataan baru-baru ini.

Arahan MPAJ itu selaras Perenggan 7 (8) Jadual Kedua, Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

Siasat isu pakaian logo parti

SHAH ALAM - EXCO hal ehwal Islam mengarahkan siasatan terhadap kejadian pengunjung berpakaian logo parti politik ketika berada di Masjid Bandar Utama Batang Kali, Hulu Selangor.

Meminta semua pihak bertenang dan tidak mengeruhkan keadaan, Dr Mohamad Fahmi Ngah berkata tindakan wajar diambil jika berlaku pelanggaran garis panduan dalam insiden pada 9 Mei.

Beliau juga menyeru jemaah termasuk dari luar Selangor supaya mematuhi peraturan termasuk tidak berpakaian mengandungi nama dan logo parti atau gabungan parti politik di masjid.

"Ini selaras titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor agar masjid-masjid di Selangor tidak dijadikan pentas politik sebaliknya masjid haruslah menjadi penyatuan ummah," katanya pada 10 Mei.

Wakaf RM50,000 untuk arwah ibu

SHAH ALAM - Demi kasih terhadap ibu, pesara swasta mewakaf harta bernilai RM50,000 hasil faraid bersama adik-beradiknya kepada Perbadanan Wakaf Selangor (PWS).

Ahmad Mustaza Ismail, 60, yang ditemani isterinya menyerahkan wang tunai berkenaan dengan niat semua pahala amalan itu mengalir kepada Allahyarham ibunya.

"Semoga ibadah wakaf yang dilaksanakan menjadikan jariah pahala yang berpanjangan sehingga yaumulakhirah," menurut PWS menerusi Facebook pada 7 Mei.

70 individu urus wasiat, hibah

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) melantik 70 individu sebagai perancang pewarisan Islam (PPI) bagi meluaskan lagi peranannya berkaitan pengurusan harta.

Setiausahanya Dr Ahmad Shahir Makhtar berkata lantikan itu juga memberi peluang meningkatkan pengetahuan individu berhubung pengurusan harta selain berpeluang menambah pendapatan.

"Sehingga April, Mais bekerjasama dengan 70 PPI berdaftar yang giat mempromosi, membantu proses pendaftaran perkhidmatan wasiat dan hibah," katanya dalam kenyataan pada 10 Mei.

RMS tanggung kos rawatan lecur

SHAH ALAM - Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor berkenan untuk menanggung kos rawatan dan perubatan pemain Selangor FC Faisal Halim yang melecur tahap empat selepas disimbah asid dalam kejadian pada 5 Mei.

Perkembangan itu dikongsi Ahli Lembaga Pengarah Selangor FC Datuk Seri Shahril Mokhtar selepas selesai mengiringi Tengku Amir Shah yang juga pengerusi Selangor FC menziarah Faisal yang selesai pembedahan kedua di sebuah hospital swasta di sini.

"Kos perubatan Faisal ditanggung



menerusi insurans tetapi kita mahu yang terbaik untuk dia. Apa yang dimaklumkan, rawatan yang terbaik biasanya membabitkan kos yang tinggi.

"Tetapi Tuanku (Tengku Amir Shah) beri jaminan bahawa tidak usah khuatir dan jangan risau, pihak istana dan Tengku Amir Shah sendiri akan tanggung kos perubatan sekiranya perlu," katanya seperti dilapor Berita Harian pada 8 Mei.

Shahril mengesahkan Faisal yang semakin menunjukkan perkembangan positif mula memikirkan mengenai bola sepak meskipun berta-

rung dengan kesakitan.

"Saya difahamkan Faisal sudah boleh makan tetapi diet yang lembut. Dia juga nampak tidak sabar untuk bangun dan melakukan senaman ringan lazim membabitkan bola sepak," katanya.

Shahril memaklumkan proses pemulihan Faisal menunjukkan perkembangan positif selepas menjalani prosedur tampalan kulit bermula dengan pembedahan ketiga yang dilaluinya pada 9 Mei.

Sementara itu, Tengku Amir Shah turut berkenan berangkat ke majlis bacaan Yasin dan doa selamat buat Faisal di Masjid Sultan Abdul Samad, Sepang pada 10 Mei.

Tampung kos bina asrama anak yatim


Golf amal kumpul RM500,000

Oleh **SHEEDA FATHIL**

PETALING JAYA - Sebanyak RM506,500 dikumpul dalam Kejohanan Golf Amal 2024 bagi menampung kos membina Kompleks Asrama Anak Yatim Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) di Pulau Indah, Klang.

Pengerusi Yide Tan Sri Mazlan Mansor memberitahu pengumpulan dana dalam acara di Kelab Golf Seri Selangor di sini bertujuan membiayai baki dana untuk menyiapkan kompleks tersebut.

"Seramai 128 peserta mewakili



agensi, syarikat korporat dan individu menyertai kejohanan golf ini, terima kasih atas sumbangan dan prihatin dengan kebajikan anak yatim seliaan Yide.

"Kita harap sumbangan ini membantu membiayai baki dana untuk menyiapkan kompleks yang dijangka siap pada Januari 2026," katanya selepas penutupan kejohanan itu pada 12 Mei.

Kejohanan bermula jam 7 pagi turut menerima kunjungan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah yang berkenan mencemar duli menyempurnakan gimik pelancaran.

Mazlan menjelaskan anggaran kos keseluruhan pembangunan kompleks anak yatim di tanah seluas 3.47 ekar itu RM17 juta manakala sumbangan terkumpul setakat ini RM9.6 juta.

Mengajak orang ramai turut sama menghulur sumbangan, beliau memberitahu kemajuan pembinaan kompleks itu hampir 11 peratus manakala baki dana yang diperlukan sekitar RM7.4 juta.

"Kompleks ini bakal menempatkan 150 anak yatim dengan kemudahan lengkap dan kondusif seperti asrama, surau, dewan serbaguna, pusat komersial dan gelanggang permainan," katanya.

Teroka kerjasama pelancongan

SHAH ALAM - Selangor membuat misi jualan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) menerusi Arabian Travel Market pada 6 hingga 9 Mei bagi mengukuhkan hubungan dua hala dan meneroka peluang kerjasama baharu.

Ketua pegawai eksekutif Tourism Selangor berkata kerjasama termasuk bersama KPJ Healthcare bagi mempromosi pelancongan kesihatan dan Air Arabia untuk kesa-

linghubungan dalam penerbangan.

"Sinergi ini dijangka membuka jalan kepada usahasama seperti promosi silang dan sesi niaga ke niaga (B2B) yang mampu meningkatkan profil pelancongan Selangor di peringkat global," kata Azrul Shah Mohamad dalam kenyataan pada 13 Mei.

Beliau menambah terdapat lonjakan kemasyarakatan pelancong yang ketara daripada 89,006 orang pada 2022 kepada 176,711 tahun lalu dengan peningkatan sebanyak 99 peratus.

Jelasnya, penyumbang utama dari

Timur Tengah ialah Arab Saudi, UAE dan Oman, yang menyumbang 79.13 peratus daripada keseluruhan pengunjung tahun lalu.

Sementara itu, katanya, lima pihak berkuasa tempatan menerima kedatangan pelancong Timur Tengah tertinggi ialah Majlis Bandaraya Subang Jaya, Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Bandaraya Shah Alam.

"Perkongsian dengan pihak berkepentingan di peringkat global akan menjadi titik tolak untuk mencapai tujuh pelancong semasa Tahun Melawat Selangor pada 2025," kata Azrul Shah.



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000018377	IMPLEMENTATION AND INTEGRATION OF E-INVOICING SYSTEM WITH LHDN, INCLUSIVE OF WARRANTY AND SUPPORT SERVICES FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> or <https://tender.airselangor.com>



GELECEK... Pemain MBSJ FC Fatin Shahida Azmi (tengah) cuba melepasi pertahanan UiTM United Lioness dalam aksi separuh akhir Piala FA Wanita 2024 di Arena MBSJ, Subang Jaya pada 12 Mei. UiTM United Lioness menang penentuan sepakan penalti 4-1 dan bertemu MBPJ FC dalam perlawanan akhir pada 23 Jun. Foto Persatuan Bola Sepak Selangor

Keselamatan lebih penting daripada piala

Peminat simpati nasib timpa Faisal

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL, FITRI HAZIM HAZAM & SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Rata-rata peminat bola sepak menganggap aspek keselamatan pemain jauh lebih penting berbanding memenangi sebarang piala, lebih-lebih lagi berlaku kejadian seburuk disembah asid.

Terkejut dengan insiden yang menimpa pemain Selangor FC Faisal Halim, mereka menyifatkan kejadian itu sebagai tidak berperikemanusiaan dan berharap pelakunya segera diberkas.

Pemain Kuantan City Muhammad Zamir Zaini menegaskan soal kemenangan diketepi sebaliknya isu keselamatan harus menjadi keutamaan apatah lagi ia berlaku beberapa hari sebelum perlawanan.

"Sangat terkejut. Tindakan simbah asid keterlaluan. Apa motif pelaku? Seolah-olah mahu tamatkan karier Faisal. Saya harap beliau segera pulih dan kembali bermain," katanya.

Ahli kelab penyokong Selangor Empire of Port Klang Muhd Ali Zaka-

riah, 45, pula menggesa semua pihak supaya menghormati keputusan Selangor FC menarik diri dari perlawanan Piala Sumbangsih.

"Sewajarnya perlawanan ditunda kerana keselamatan pemain perlu diutamakan terlebih dahulu. Walaupun jaminan diberi tetapi kejadian itu memberi kesan kepada pemain lain," katanya.

Pekerja swasta Ikram Shah Shafiee, 35, mengakui kecewa atas insiden sedemikian beliau percaya sukan sepatutnya menyatukan masyarakat bukan mengancam nyawa sesiapa jua.

"Sebagai individu aktif dalam bola, tentu saya terkesan kerana insiden seumpama ini boleh memusnahkan karier seseorang. Atas padang, kita musuh tetapi di luar, kita kawan," katanya.

Mahasiswa Muhammad Iman Mohd Ahib, 23, pula mendoakan Faisal segera pulih lantaran pemenang Anugerah Gol Terbaik Piala Asia 2023 itu berbakat besar dan memiliki masa depan cerah.

"Semua pemain bola ada kelebihan masing-masing dan Faisal salah seorang daripadanya. Saya juga harap pelaku terima hukuman setimpal," kata bekas pemain Felcra FC.

Pemain Muda Terbaik Liga Super Wanita Persatuan Bola Sepak Selangor 2023 mengakui insiden menimpa Faisal menimbulkan ketakutan kepada pemain lain termasuk beliau sendiri.

"Sedikit sebanyak menimbulkan perasaan takut kepada saya sebagai pemain wanita untuk beraksi di padang. Saya harap sebagai atlet kita juga harus lebih berwaspada," kata Qaseh Rania Khairul Najib, 14.

Pemain PNSB FC Puteri Umi Sofea, 29, yang beraksi dalam Liga Juara Selangor (SCL) berharap pihak berkuasa supaya mengambil tindakan tegas kes seumpama itu tidak berulang lagi.

"Ini mendatangkan kebimbangan, harap tindakan tegas diambil, takut berlaku kepada pemain lain selepas ini," katanya yang menyifatkan kes sedemikian tidak patut berlaku di negara ini.

Cari jurulatih baharu olahraga

SHAH ALAM - Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) mencari beberapa jurulatih baharu untuk program pelapis dan podium selepas mendapat kebenaran daripada Majlis Sukan Negara.

Pengarah Teknikalnya Robert J Ballard berkata kehadiran jurulatih baharu penting bagi meningkatkan prestasi atlet sebagai persiapan menghadapi Sukan SEA 2025 di Bangkok dan Sukan SEA 2027 di laman sendiri.

"Kami mencari jurulatih untuk acara pecut, lompatan, lari berpagar, larian jarak sederhana dan jauh. Ia adalah terbuka sama ada jurulatih dari luar negara atau jurulatih tempatan.

"Kami juga akan bekerjasama dengan Institut Sukan Negara untuk mendapatkan khidmat jurulatih 'strength & conditioning' bertaraf antarabangsa yang khusus untuk olahraga," katanya seperti dilapor Berita Harian pada 14 Mei.

KBS sedia rawatan pemulihan terbaik

SHAH ALAM - Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan memastikan tonggak skuad Harimau Malaya Faisal Halim mendapat rawatan terbaik secara percuma di Institut Sukan Negara (ISN) sebagai menghargai jasa pemain 26 tahun itu.

Menterinya Hannah Yeoh berkata pihaknya memastikan pemain sayap Selangor FC itu mendapat rawatan yang diperlukan sepanjang tempoh pemulihan, lapor Bernama.

"KBS mahu memberikan sokongan kepada Faisal (melalui ISN) yang akan memberikan perkhidmatan termasuk fisioterapi apabila diperlukan oleh beliau secara percuma untuk pastikan beliau kembali pulih dengan cepat," katanya pada 7 Mei.

KPT beri insentif, sokong Aniq, Izzah

SHAH ALAM - Dua atlet kebangsaan Muhammad Aniq Kasdan dan Nurul Izzah Izzati Mohd Asri diberikan ruang secukupnya untuk membuat persiapan menghadapi Sukan Olimpik Paris 2024 dari 26 Julai hingga 11 Ogos.


Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Prof Dr Azlinda Azman berkata pihaknya memberi sokongan penuh kepada kedua-dua penuntut berkenaan termasuk dalam bentuk insentif, lapor Berita Harian.

"Insentif yang akan disampaikan sebelum Sukan Olimpik bermula akan mengikut keperluan atlet itu sendiri, mungkin barangan, sokongan persiapan dan peralatan, namun semuanya bergantung kepada keperluan atlet," katanya pada 11 Mei.



MOHD KAMRI KAMARUDDIN
Bukit Antarabangsa

menerangkan kadar cukai taksiran MPAJ di Bandar Baru Ampang, Ampang Jaya



JAMALIAH JAMALUDDIN
Bandar Utama

menyampaikan duit raya buat kanak-kanak di Masjid Mujahideen, Petaling Jaya



ANFAAL SAARI
Taman Templer

melawat lokasi banjir kilat berhampiran Pasar Borong Selayang, Gombak



DATUK RIZAM ISMAIL
Sungai Air Tawar

menghadiri sambutan Hari Raya Anak-Anak Rantau di DUN beliau



MUHAMMAD IZUAN KASIM
Kota Damansara

meninjau masalah saliran di Taman Industri Sungai Buloh, Petaling Jaya



DANIAL AL-RASHID
Batu Tiga

meninjau tapak pembinaan pam air di Taman Intan, Shah Alam



CHUA WEI KIAT
Rawang

menghadiri program basmi tikus di Pasar Bandar Baru Rawang, Selayang



YIEW JIA HAUR
Teratai

menyampaikan bantuan kepada wakil Sekolah Kebangsaan Taman Muda, Ampang Jaya

Tangani isu lampu jalan, internet

SHAH ALAM - Ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Kubu Bharu Pang Sock Tao berazam untuk segera menyelesaikan masalah tempatan yang dialami penduduk.

Memulakan tugasnya sehari selepas kemenangannya dalam pilihan raya kecil yang berakhir pada 11 Mei, beliau bertemu orang ramai di Pasar Rasa, Hulu Selangor.



Bersama suami Yap Bing Yew, beliau turut meluangkan masa setengah jam bagi memberi kuntuman bunga sempena Hari Ibu kepada wanita, lapor Bernama.

"Saya akan mendahului masalah tempatan yang mempengaruhi penduduk seperti lampu jalan raya dan longkang. Saya akan bekerjasama dengan Malis Per-

bandaran Hulu Selangor.

"Untuk jangka panjang, saya berusaha tingkatkan kelajuan dan liputan internet dan menaik taraf sistem pengangkutan dengan mewujudkan bas pelancongan pada hujung minggu," katanya.

Menghargai sokongan pengundi dan jentera Kerajaan Perpaduan, Sock Tao berjanji untuk menjadi wakil semua penduduk tanpa mengira agama, kaum dan latar belakang politik.

Peluang kerjasama korporat, awam

Tubuh yayasan anak istimewa

Oleh **SOFIA NASIR**

HULU SELANGOR - Yayasan Insan Istimewa Selangor akan ditubuh bagi membuka peluang kerjasama antara sektor korporat dan awam untuk memajukan pendidikan anak berkeperluan khas.

EXCO Kebajikan Anfaal Saari memberitahu yayasan berkenaan akan ditubuh bawah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI dengan dana

permulaan RM5 juta.

"Kita perlukan barisan pemegang amanah dalam pelbagai bidang. Dengan adanya yayasan ini, kita dapat buka peluang kepada korporat dan orang awam untuk menyumbang," katanya pada 7 Mei.

Beliau menambah yayasan itu dijangka ditubuh menjelang akhir tahun ini termasuk menyediakan pusat palsi serebral yang menyediakan pelbagai peralatan khas untuk latihan fizikal.



"Kita juga mahu bina perkampungan untuk anak-anak autism. Kita telah memulakan perbincangan sejak 2020 dan harap ia dapat dibina dalam tempoh setahun atau dua tahun ini.

"Perkampungan itu dicadangkan di Kuala Kubu Bharu. Ia lebih kepada latihan untuk autism dewasa. Mereka boleh tinggal di situ untuk jalani latihan seperti bakeri dan sebagainya," katanya.

Isyarat rakyat mahu kerajaan stabil

SHAH ALAM - Kemenangan Kerajaan Perpaduan dalam pilihan raya kecil Kuala Kubu Bharu membawa isyarat betapa rakyat mahu pentadbiran yang stabil dan mementingkan kebajikan rakyat.

Penyelaras Dewan Undangan Negeri Batang Kali Saifuddin Shafi Muhammad berkata pengundi mahu perpaduan yang terbina antara Pakatan Harapan (HARAPAN) dan Barisan Nasional dikekalkan.

"Saya melihat kemenangan di Kua-



la Kubu Bharu sebagai 'signal' penerimaan kepada pentadbiran Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Ini bukti penerimaan terhadap Kerajaan Perpaduan selain rakyat semakin letih dengan kisah kerajaan pintu belakang sebelum ini. Mereka inginkan kestabilan dalam pentadbiran," katanya.

Ketua Pemuda Umno Selangor Datuk

Mohd Imran Tamrin pula memberitahu kemenangan Pang Sock Tao membuktikan peranan anak muda semakin diiktiraf demi kebaikan masa depan.

"Dalam pentadbiran, kita masih memerlukan kepimpinan 'senior' tetapi dalam masa sama perlu ditonjolkan golongan muda yang mampu berkhidmat dan memiliki pemikiran kritis.

"Dengan kemenangan ini, beliau (Sock Tao) akan membawa suara generasi muda dalam memastikan Selangor terus ke depan," katanya.

Kerjasama elak penunggang motor cedera

SHAH ALAM - Satu pertemuan akan diadakan minggu ini bagi membincangkan isu tular membabitkan pengguna Lebuh Raya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKU) yang mendakwa cedera terkena tali melintang di lebuh raya itu.

Ahli Dewan Negeri Lembah Jaya berkata pertemuan pihaknya bersama pengendali lebuh raya iaitu Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (Prolintas) untuk perbincangan sewajarnya bagi mengelak kejadian sama berulang.

"Ia tidak seharusnya berlaku. Saya rasa kecewa sebab kami dah cuba tangani

masalah ini sebelum ini dengan kerjasama (pihak) saya, Prolintas, Ibu Pejabat Polis Daerah Ampang Jaya dan ketua kampung.

"Saya sudah hubungi pihak lebuh raya dan ada mesyuarat lagi berkenaan (perkara) ini," kata Syed Ahmad Syed Abdul Rahman Alhadad atau lebih dikenali Alti-met pada 14 Mei.

Mengulas lanjut Syed Ahmad berkata beliau pernah menerima satu aduan sebelum ini dan berharap siasatan lanjut diadakan pihak berwajib bagi mengelak



kejadian sama berulang.

"Saya mengharapkan kejadian ini tidak lagi berulang dan pihak berkenaan boleh melakukan siasatan sama ada ia berkait jenayah atau tidak.

"Saya juga akan meninjau sendiri laluan tersebut untuk mengetahui lanjut dan mengenal pasti apa yang boleh dilakukan," katanya yang akan turut memanjangkan isu itu dalam sesi dialog awam di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor.

MBSA beri 300 makanan percuma

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) memberi makanan percuma bernilai RM10 kepada 300 pengunjung medan selera Seksyen 2, di sini.

Datuk Bandar Cheremi Tarman berkata inisiatif bertujuan meringankan beban belanja golongan memerlukan terutama pelajar, penjawat awam serta pekerja kilang.

"MBSA akan memperluaskan program julung kali ini ke Sungai Buloh dan Jalan Kebun. Mungkin jumlah penerima ditingkatkan kepada 500 orang supaya lebih ramai dapat dibantu.

"Selain meringankan beban, program julung kali ini juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara majlis dengan penduduk selain menggalakkan komuniti membantu golongan memerlukan," katanya pada 15 Mei.

5,000 manfaat jualan murah

GOMBAK - Hampir 5,000 penduduk sekitar Dewan Undangan Negeri Sungai Tua menerima manfaat Jualan Ehsan Rahmah setakat ini.

Pegawai pusat khidmatnya B Shanmugam berkata sejak Januari hingga 14 Mei, lebih 10 kali jualan murah dianjurkan di kawasan penduduk berpendapatan rendah.

"Tiap kali program, lebih 400 penduduk datang membeli dengan sebahagian mereka beratur mulai 7 pagi untuk mendapatkan nombor sebab tidak mahu lepaskan peluang membeli.

"Sekarang pun penduduk minta lebih kerap diadakan namun hanya boleh dua kali sebulan. Ayam, beras dan telur antara produk yang mendapat permintaan tinggi," katanya.

RM50,000 modal niaga untuk wanita

SHAH ALAM - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor) menawarkan bantuan modal sehingga RM50,000 kepada usahawan wanita negeri ini yang ingin berniaga kecil-kecilan.

Agensi itu memaklumkan pembiayaan bawah skim Niaga Darul Ehsan (NaDI) itu boleh dipohon menerusi pautan mikroredit.selangor.gov.my

"Khusus untuk usahawan wanita di Selangor Darul Ehsan. Terbuka kepada wanita yang ingin memulakan perniagaan kecil-kecilan. Tawaran Skim Pembiayaan Niaga Darul Ehsan (NaDI) sehingga RM50,000.

"Pemohon juga boleh mengimbas kod QR pada poster untuk memohon atau hubungi cawangan Hijrah Selangor berdekatan untuk maklumat lanjut," maklumnya.



Pasang papan iklan tanda solidariti

SHAH ALAM - Papan iklan besar bertulis 'Stand with Faisal Halim, Stop The Violence' dipasang sekitar Lembah Klang sebagai tanda setiakawan terhadap pemain Selangor FC itu.

Ia susulan insiden melibatkan pemain sayap lincah berusia 26 tahun itu yang cedera disimbah asid dalam kejadian di sebuah pusat beli-belah di Petaling Jaya pada 5 Mei.

Beliau disahkan mengalami kelecuman tahap empat pada beberapa bahagian anggota badan, selain pergerakan dan percakapannya turut terbatas.

Kejadian tersebut turut meraih simpati pelbagai pihak termasuk pemain Manchester United iaitu Alejandro Garnacho dan Andre Onana yang mendoakan kesejahteraan Faisal.

Kongsi maklumat terkini siasatan

SHAH ALAM - Polis merakam percakapan pemain Selangor FC Faisal Halim dua kali sepanjang proses rawatan sejak kejadian disimbah asid pada 5 Mei, kata pengerusi jawatankuasa teknikal pasukan.

Datuk Seri Shahril Mokhtar berkata kisah pemain berkenaan sentiasa dinantikan semua pihak dan berharap polis dapat memberikan perkembangan terkini mengenai isu terbabit.

"Saya difahamkan siasatan masih berjalan jadi harapan saya, buatlah (siasatan) betul-betul. Kita cuma minta yang baik-baik, itu sahaja.

"Saya juga harap Ketua Polis Negara Tan Sri Razarudin Husain dapat sentiasa memberi perkembangan terkini dari semasa ke semasa.

"Faisal ini bukan sahaja aset negara tetapi hero negara, pemain kebangsaan yang memiliki ramai pengikut. Jadi harapan saya kalau ada apa-apa perkembangan yang tidak sensitif, bolehlah pihak berwajib maklumkan kepada kami di luar sini," katanya seperti dilaporkan Berita Harian pada 14 Mei.

Lawat muzium percuma 18 Mei

SHAH ALAM - Tiada caj kepada pengunjung di Muzium Permainan Tradisional, Bukit Melawati dan Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor sempena Hari Muzium Antarabangsa pada 18 Mei.

Menurut Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor, tawaran tersebut sah kepada warga tempatan manakala pelancong asing dikenakan kadar biasa.

Sebelum ini, tiket RM3 dikenakan kepada pengunjung tempatan di kedua-dua muzium berkenaan.

SEJARAH... Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan berangkat meninjau tapak warisan Kapal Korek Sri Banting di Dengkil sempena Eksplorasi Gagasan Rumpun Selangor di Sepang pada 10 Mei.
Foto Facebook Selangor Royal Office



Kerajaan Perpaduan diterima rakyat

Sokongan Melayu meningkat

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

HULU SELANGOR - Kemenangan Pang Sock Tao memperlihatkan keyakinan pengundi Melayu di Kuala Kubu Bharu terhadap pentadbiran Kerajaan Perpaduan apabila tiga daerah mengundi ditawan semula.

Pengerusi Pakatan Harapan (HARAPAN) Selangor Dato' Seri Amirudin Shari berkata Sungai Air Jernih, Kerling dan Peretak yang dimenangi Sock Tao menandai suara masyarakat Melayu.

"Kita juga dapat melihat dalam pili-

han raya kecil ini, walaupun Perikatan Nasional menguasai Bandar Utama Batang Kali, namun majoriti menyusut dari 1,700 kepada 1,300 undi," katanya.

Dalam sidang media pada 11 Mei, Amirudin yang juga Dato' Menteri Besar menyifatkan peningkatan peratusan undi yang diterima Kerajaan Perpaduan suatu pencapaian membanggakan.

"Peratusan mengundi yang diterima HARAPAN meningkat tiga peratus. Dalam pilihan raya negeri (PRN) lalu, kita menerima 54 peratus manakala PRK kali ini, calon kita meraih 57 peratus.

"Kejayaan kita menang undi awal,

sebahagian besar penjawat awam yang sebelum ini dimenangi Perikatan Nasional juga menunjukkan perkembangan baik terhadap Kerajaan Perpaduan," katanya.

Beliau juga merakam penghargaan kepada Pengerusi Barisan Nasional Selangor Datuk Megat Zulkarnain yang bekerja keras dalam menarik sokongan pengundi yang menyumbang sokongan pengundi Melayu.

Kerajaan Perpaduan mempertahankan kerusi Kuala Kubu Bharu berikutan memperoleh undi majoriti 3,869 undi dalam pertembungan empat penjur.

Buku terlaris IBDE di pesta buku KL

SHAH ALAM - Lebih 80 judul buku termasuk karya terlaris Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal ditawarkan sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) mulai 24 Mei.

Diterjemahkan Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE), naskhah lain yang boleh didapati termasuk Gelagat dan Ragam Orang Melayu, dan Memelihara Jiwa: Petua Daripada Tabib Kurun ke-9.

"Kira-kira 15,000 hingga 20,000 buku daripada lebih 80 judul ditawarkan kepada pengunjung sepanjang 10 hari

pesta," kata Eksekutif Jualan dan Pemasaran IBDE Mohammad Hakim Mohammad Hood pada 14 Mei.

Dibantu dana Kerajaan Negeri, IBDE kini bekerjasama dengan Media Selangor Sdn Bhd selepas Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor untuk menjayakan projek terjemahan karya dunia bawah Siri Pencerahan Selangor sejak 2016.

Judul baharu yang bakal dijual termasuklah Manusia Asuhan Rusa, Kepada Rumah Api dan 40 Hadis Imam Nawawi: Sebuah Huraian Untuk Du-

nia Semasa.

PBAKL, pesta buku terbesar di negara ini, berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur sehingga 2 Jun.

Orang ramai yang berminat dengan karya terbitan IBDE boleh mendapatkannya di reruai 4053 hingga 4060, Dewan Tun Razak 4 dari jam 10 pagi hingga 10 malam.

IBDE yang menerima geran Kerajaan Negeri giat menerbitkan buku terjemahan pelbagai genre meliputi sejarah, falsafah dan agama, sesetengah naskhah asal berusia ribuan tahun.